

KANDUNGAN

Profil Ringkas Syuhada dan Tahanan	1
Biodata Balu Syuhada	23
Rentetan Kekejaman Peristiwa	41
Kesan Peristiwa Kepada Politik PAS/UMNO/BN	83
Keratan Akhbar Isu Memali	103

697903

On
864.131

CNA

E-3 MAY 1984

Perpustakaan Negara
Malaysia

SECUBIT INGATAN

Telah hampir enam tahun peristiwa Memali meninggalkan kita. Anak-anak para syuhada yang dulunya ditinggalkan masih dalam kandungan ibunya, kini riang berlari bersama-sama teman sebaya. Walaupun selamanya tidak pernah mengenali siapakah bapa dan perjuangan yang didokong oleh bapa mereka itu.

Kepada pendokong perjuangan seumpama yang dibawa oleh para syuhada itu, merasakan peristiwa tersebut seperti baru semalam berlalu. Para syuhada seolah-olah segar hidup di alam nyata ini, sungguh pun di Makam Syuhada di Parit Panjang, Baling, Kedah berderetan tanda indah batu nisan menunjukkan mereka itu, telah lama meninggalkan alam dunia ini.

Tidak dapat dinafikan, atas apa usaha sekali pun oleh sesiapa sahaja untuk menghilangkan ingatan jenerasi pejuang Islam terhadap peristiwa ini, pasti gagal. Usaha ke arah itu, samalah seperti perbuatan memukul seekor katak. Semakin dipukul, semakin membesar dia. Akhirnya akan mendatangkan satu rasa kegerunan pada si pemukul itu sendiri.

Sejauh inipun, telah ada usaha-usaha yang cuba dilaksanakan oleh pihak tertentu, agar peristiwa paling bersejarah untuk kebangkitan Islam dalam penghujung abad ke 20 ini, lekang di hati rakyat. Tetapi apakah hasilnya?

Rakyat semakin ingin tahu peristiwa sebenar. Saban hari, anak-anak Memali mendendangkan lagu 'syuhada' dengan penuh semangat. Tidak ada suara kesal dari isteri dan anak-anak tercinta

hadap kekasih mereka yang menjadi mangsa kebuasan manusia yang sering mengagungkan demokrasi, sedangkan mereka adalah yang amat bimbang dengan keadilan sebenarnya demokrasi itu sendiri.

Atas permintaan dan kehendak bersungguh dari banyak pihak untuk di bukukan kisah sebenar disebalik peristiwa ini, maka saya mengambil kesempatan ini merakamkan semula urutan peristiwa tersebut. Kisah yang terdapat di dalam buku ini, adalah kisah benar yang disampaikan oleh mangsa-mangsa yang terlibat secara langsung dengan peristiwa itu.

Bagaimanapun, di sini tidaklah dapat diceritakan kisah seorang ini seorang yang terlibat. Semua kisah yang didengar itu dihimunkan ke dalam satu cerita seolah-olah hanya seorang sahaja 'aku' dalam kisah ini. Sebab itu, di setengah-tengah tempat membaca akan ketemu perkataan 'aku' yang sengaja ditulis untuk memudahkan jalan cerita, walaupun sebenarnya bukan penulis yang mengalami peristiwa berkenaan.

Oleh itu, diharapkan agar pembaca tidak keliru dengan kedudukan sebenarnya. Penulis juga bertanggungjawab dengan sediaan cerita di dalam buku ini, sebagaimana yang disampaikan kepada penulis sendiri oleh mangsa-mangsa tersebut.

Namun begitu, sebagai manusia biasa tentulah tidak sunyi sebarang kelemahan dan kedhaifan ilmu. Tidak mustahil nanti, pembaca akan menemui kekurangan-kekurangan di berbagai sudut dalam buku ini. Maka, terlebih dahulu penulis memohon maaf kepada pembaca atas sebab-sebab kekurangan tersebut. Kepada pembaca juga ingin dimaklumkan, dengan memiliki buku ini dan selain yang berkaitan dengan Memali, bererti secara tidak langsung pembaca telah memberi satu sumbangan yang besar

ertinya kepada balu keluarga syuhada dan juga madrasah yang diasaskan oleh As-Syahid Ustaz Ibrahim Libya.

Seterusnya, penulis mengharapkan buku ini dapat menjelaskan kedudukan sebenarnya berhubung dengan peristiwa yang paling bersejarah di negara kita. Dan sekurang-kurangnya memberi sedikit kepuasan kepada pembaca yang selama ini menunggu kemunculan buku seumpama ini.

Wassalam.

C.N.AL-AFGHANI

I

PROFIL RINGKAS SYUHADA DAN TAHANAN

Dalam Sejarah Memali pada pagi 19 November 1985 lalu, seramai 14 orang telah gugur sebagai syuhada hasil dari kebuasan pemerintahan Kerajaan BN yang didalangi oleh UMNO. Berikut di siarkan biodata ringkas tentang para syuhada tersebut:

1. Nama : Ustaz Ibrahim bin Mahmud (42 tahun)

Alamat : Kampong Charok Putih,
Siong, Baling, Kedah.

Pekerjaan : Guru dan Pendakwah Islam

Pendidikan : Sekolah Melayu Mukim Siong
Sekolah Al-Khariah Pokok Sena, Seberang Perai
Darululum Deoband, India
Universiti Al-Azhar, Mesir
Kolej Dakwah Libya

Pengalaman : Bekas Pegawai Dakwah Pusat Islam (JPM)
Bekas calon PAS DUN Bayu 1979 dan 1982
Bekas Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Kedah (1979 hingga
1981)
Ketua Dewan Pemuda PAS Baling (1979-1981)

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan lima orang anak.

2. Nama : Saudara Ahmad b. Hassan (32 tahun)

Alamat : Kampong Alor Melentang, Gunung,
Alor Setar, Kedah.

Pekerjaan : Sendiri

Pendidikan : Sekolah Kebangsaan Alor Melentang
Sek.Men. Gunung (lulus SPM)

Pengalaman : Bekas Pegawai LPN

Bekas Setiausaha Kerja Dewan Pemuda
PAS Negeri Kedah (1981/83)
Bekas Ketua Pemuda PAS Kuala Kedah
(1979 hingga 1981)

Keluarga: Meninggalkan seorang balu (isteri yang kedua)
dan enam orang anak termasuk 2 darinya anak bekas isteri
pertama.

3. Nama : Saudara Shafie b. Dahaman (33 tahun)

Pekerjaan : Guru di Sek. Men. Siong, Baling.

Pendidikan : Lulus SPM / Maktab Perguruan

Pengalaman : Menjadi guru di Sek. Men. Gunung, Alor Setar
sebelum ditukarkan ke Sek. Men. Siong, Baling.

Keluarga : Meninggalkan seorang balu yang sedang
hamil 2 bulan anak pertama

4. Nama : Haji Abdullah b. Saman (72 tahun)

Alamat : Kg. Bechah Sawa, Mukim Siong, Baling

Pekerjaan : Penoreh

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan
lapan orang anak

5. Nama : Saudara Abd. Manas b. Waden (65 tahun)

Pekerjaan: Penoreh

Alamat : Kg. Bechah Sawa, Mukim Siong, Baling

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan
tiga orang anak

6. Nama : Saudara Rozali b. Mat Saman (32 tahun)

Alamat : Kg. Becah Sawa, Mukim Siong, Baling.

Pekerjaan : Merinyu Malaria

Keluarga : Meninggalkan seorang isteri dan tiga orang anak

7. Nama : Razdki @ Zakaria b. Ahmad (27 tahun)

Alamat : Kg. Ubi, Memali, Mukim Siong, Baling

Pekerjaan : Penoreh

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan dua orang anak

8. Nama : Haji Hambali b. Mohd. Senang (59 tahun)

Alamat : Kg. Pantai, Seberang Pekan, Baling

Pekerjaan : Sendiri

Keluarga : Lebih dulu kematian isteri.
Meninggalkan empat orang anak

9. Nama : Saudara Idris b. L. Kadir (32 tahun)

Alamat : Kg. Charok Bunting, Mukim Siong, Baling

Pekerjaan : Penoreh

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan enam orang anak

10. Nama : Sdr. Mohd. Aroff b. Hashim (41 tahun)

Alamat : Kg. Memali, Mukim Siong, Baling

Pekerjaan : Penoreh

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan enam orang anak

11. Nama : Saudara Zamri b. Md. Isa (36 tahun)

Alamat : Kg. Charok Putih, Mukim Siong, Baling

Pekerjaan : Pemandu

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan tujuh orang anak

12. Nama : Saudara Abdullah b. Yasin (33 tahun)

Alamat : Kg. Guar Reban, Kupang, Baling

Pekerjaan : Berniaga

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan seramai lima orang anak

13. Nama : Sdr. Mohd. Daud b. Kadir (53tahun)

Alamat : Kg. Bechah Sawa, Mukim Siong, Baling

Pekerjaan : Penoreh

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan empat orang anak

14. Nama : Sdr. Ahmad Ismail (28 tahun)

Alamat : Kampong Chepir Sirih, Sik, Kedah

Pekerjaan : Mekanik

Keluarga : Meninggalkan seorang balu dan empat orang anak

Disamping 14 orang gugur syahid, terdapat beberapa orang

pengikut As-Syahid Ustaz Ibrahim yang cedera parah akibat terkena tembakan pihak polis. Mereka ialah:

1. Saudara Ahmad b. Ayub (37 tahun)
Terkena peluru di perut dan terpaksa dibedah.
Sekarang tidak boleh bekerja berat lagi
2. Saudara Mat Piah b. Yunus (40 tahun)
Cedera dengan sebelah tangan kanannya lumpuh
(Sekarang beransur pulih)
3. Saudara Abdullah b. Che Soh (30 tahun)
4. Md. Khir b. Sulaiman
Pinggang patah dan lumpuh seluruh anggota.
Kini telah pun meninggal dunia akibat dari kecederaan yang dialami

Senarai mangsa Memali yang ditahan di Pusat Pemulihan Kem Kemunting, Taiping mulai 22 Januari 1986:

- | | |
|-----------------------|--------------------------|
| 1. Razali Abd. Kadir | 2. Abd. Hamid Hj. Omar |
| 3. Abd. Rahman Salleh | 4. Zulkiffli Ishak |
| 5. Husin Yahya | 6. Sobiri Hassan |
| 7. Osman Salleh | 8. Ramli Hj. Salleh |
| 9. Ishak Che Noh | 10. Zakaria Jusuh |
| 11. Che Mid Che Teh | 12. Manas Abdullah |
| 13. Shaari Ahmad | 14. Sahimi Mohd.Husin |
| 15. Elias Mahmud | 16. Zaman Mahmud |
| 17. Khatib Ibrahim | 18. Abd. Rahim Awang Boh |
| 19. Tajuddin Osman | 20. Ishak Che Him |
| 21. Ahmad Kadir | 22. Azmi Jusoh |

- | | |
|-------------------------|-----------------------------|
| 23. Abd. Raof Ismail | 24. Mat Hassan Hj. Salim |
| 25. Abd. Rahim Husin | 26. Zakaria Hj. Abd. Rahman |
| 27. Abas Ibrahim | 28. Jaafar Nayan |
| 29. Md.Piah Hj.Abdullah | 30. Mansor Othman |
| 31. Ramli Che Mid | 32. Azmi Hj. Salim |
| 33. Abdullah Che Soh | 34. Md. Piah Yunus |
| 35. Ahmad Ayob | 36. Muhamad Yusuf Husin |

Senarai Tahanan Dalam Lock-up/Penjara

- | | |
|------------------------|----------------------------|
| 1. Osman Ahmad | 2. Ismail Ibrahim |
| 3. Abd. Roni Talib | 4. Abdullah Shaari |
| 5. Bakar Abdullah | 6. Zawawi Md. Piah |
| 7. Abd. Halim Yaacob | 8. Ust. Harun Md. Isa |
| 9. Ustaz Helmi Yaacob | 10. Hj. Bidin Abdullah |
| 11. Idris Yaacob | 12. Mohd. Nazri Idris |
| 13. Khalil Yaacob | 14. Ghazali Yahaya |
| 15. Abd. Rani Bakar | 16. Abas Ibrahim |
| 17. Johari Ibrahim | 18. Baharom Chik |
| 19. Md. Pauzi Hussin | 20. Md. Yasin Wahab |
| 21. Wahab Salleh | 22. Ahmad Akib |
| 23. Abd. Rahman Harun | 24. Hj. Wangah Ahmad |
| 25. Ibrahim Salleh | 26. Rosli Othman |
| 27. Yahaya Yaacob | 28. Azhar Ramli |
| 29. Sabiruddin Shaari | 30. Omar Zainol |
| 31. Haji Mahmud Hanafi | 32. Abd. Ghani Hj. Che Mad |
| 33. Zabidi Abd. Ghani | 34. Md. Zain Wateh |
| 35. Zulkiffli Md. Zain | 36. Hj. Hussin Abdullah |
| 37. Shaari Harun | 38. Che Him Idris |
| 39. Zuber Che Him | 40. Ismail Ibrahim |
| 41. Zainol Saman | 42. Zakaria Zainol |
| 43. Hambali Ismail | 44. Ibrahim Ahmad |

- | | |
|--------------------------|---------------------------|
| 45. Rosli Yusof | 46. Ismail Mahmud |
| 47. Abdullah Waboh | 48. Hussin Hanapi |
| 49. Razak Saad | 50. Zainol Md. Daud |
| 51. Said Wahab | 52. Shukri Wan Harun |
| 53. Azhar Harun | 54. Salleh Jusoh |
| 55. Zulkifli Ahmad | 56. Bakri Md. Zain |
| 57. Rosli Abd. Rahman | 58. Ahmad Ibrahim |
| 59. Baharom Yasin | 60. Isa Abdullah |
| 61. Ismail Abdullah | 62. Hj. Saman Ahmad |
| 63. Ali Darus | 64. Hj. Hussin Ibrahim |
| 65. Idris Hj. Hussin | 66. Md. Isa Abd. Ghani |
| 67. Yusof Abdullah | 68. Yusof Abdullah |
| 69. Rosli Seimin | 70. Abd. Fatah Abdullah |
| 71. Taufik Yaacob | 72. Rosli Yaacob |
| 73. Md. Nayan Abdullah | 74. Abd. Raof Ismail |
| 75. Yaacob Md. Daud | 76. Md. Zahir Azmi |
| 77. Lah Hj. Hassan | 78. Shahidi Lah |
| 79. Md. Rajab Md. Zain | 80. Adnan Rejab |
| 81. Md. Isa Rejab | 82. Marzuki Md. Aroff |
| 83. Md. Khir Md. Zain | 84. Pauzi Majid |
| 85. Md. Hasmi Shariff | 86. Yahya Hj. Abd. Rahman |
| 87. Zaini Yaacob | 88. Ahmad Taha |
| 89. Mat Akhir Sulaiman | 90. Mariam Awang Yaacob |
| 91. Odah Abd. Hamid | 92. Roshidah Ahmad |
| 93. Zaharah Hj. Abdullah | 94. Sapinah Ahmad |
| 95. Naziyah Hassan | 96. Hjh. Nah Abdullah |
| 97. Norhaliza Md. Aroff | 98. Noyah Hassan |
| 99. Sharifah Ahmad | 100. Aishah Hj. Salleh |
| 101. Hjh. Sofiah Che Nik | 102. Robiah Waboh |
| 103. Aziah Abdullah | 104. Che Yah Watch |
| 105. Robiah Razali | 106. Bedah Taib |
| 107. Nor Aziah Idris | 108. Rokiah Saad |
| 109. Khariah Zainol | 110. Saariah Mahmud |

- | | |
|------------------------|--------------------------|
| 111. Yah Lateh | 112. Aishah Awang Kechik |
| 113. Solehah Hj. Husin | 114. Aishah Ahmad |
| 115. Rokiah Md. Hassan | 116. Suria Ahmad |

Semua tahanan muslimat telah ditahan di Penjara Alor Setar Muslimin pula di lock-up Kulim, Jitra, Gurun, Sungai Petani, Kuala Nerang dan Alor Setar.

Di samping mereka ini, beberapa orang juga ditahan untuk siasatan selama satu minggu sahaja. Mereka ialah:

- | | |
|-------------------|---------------------|
| 1. Md. Isa Yahaya | 2. Saad Othman |
| 3. Yusof Ayob | 4. Abd. Rani Wadin |
| 5. Ramli Abdullah | 6. Ismail Shafie |
| 7. Ali Yunus | 8. Azizan Abd. Raof |

Hasil kecederaan yang parah dalam peristiwa Memali, Hj. Abd. Rahman Jusoh ditahan di rumah sakit dan kemudian dibebaskan dalam keadaan nazak. Akhirnya beliau meninggal pada 31.1.86.

Begitu juga dengan Hassan b. Abdullah yang lumpuh seluruh anggotanya akibat deraan polis. Turut ditahan di rumah sakit dan dibebaskan dalam keadaan lumpuh. Akhirnya meninggal pada Februari 1988 setelah 3 tahun menderita.

Selain mereka, beberapa orang lagi tahanan Memali yang kini telah meninggal dunia antara tahun 1987 hingga 1990 ialah:

1. Allahyarham Husin Hanapi (62 tahun)
2. Allahyarham Ahmad Taha (80 tahun)
3. Allahyarham Abdullah Waboh (57 tahun)
4. Allahyarhamah Suria Saad (21 tahun)



ASSYAHID USTAD IBRAHIM MAHMUD
As-Syahid Ustaz Ibrahim Mahmud



Gambar ketika menjadi calon PAS pilihanraya umum 1982



ANDZET @ ZAKARIA R. AHMAD

As-Syahid Mohd Radzki @ Zakaria Ahmad



As-Syahid Mohd Zamri Md Isa



ASSYAHID MD. DAUD B. KADIR

As-Syahid Md Daud bin Kadir



ASSYAHID HJ. ABDULLAH B.

As-Syahid Haji Abdullah bin Abdul Rahman



As-Syahid Rozali bin Mat Saman



As-Syahid Ahmad bin Ismail



As-Syahid Manas Waden



As-Syahid Haji Hambali Mohd Senang



As-Syahid Wan Abdullah Lebai Kadir




As-Syahid Md Aroff Hashim



As-Syahid Abdullah Yasin



Sewaktu berusia tiga puluh tahun



ASSYAHID SHAFIE B. DAHAMAN

As-Syahid Shafie bin Dahaman



Ketika masih dalam latihan perguruan




As-Syahid Mohd Hassan



Sewaktu menjadi Pegawai LPN



*Makam As-Syahid di Tanah Perkuburan Alor Melintang,
Gunung, Kedah*



*Aniara para syuhada sebelum disemadikan.
Tengah, Usiaz Ibrahim Mahmud*




Bentuk makam syuhada yang baru dibina selepas Peristiwa Memali



Bentuk makam syuhada yang telah dirobuhkan



Bentuk makam hasil sumbangan baginda Sultan Kedah



Baginda Sultan Kedah menziarahi dan menyiram air mawar di perkuburan para Syuhada Memali



Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat sedang berdoa di hadapan makam syuhada'



Para pemimpin PAS di majlis Penyampaian Sumbangan kepada mangsa-mangsa Memali

II

BIODATA BALU SYUHADA GAMBAR-GAMBAR

Biodata Ringkas Balu Syuhada

1. Puan Solehah Hj. Husin (38 tahun)
Balu As-Syahid Ustaz Ibrahim Mahmud
Masih menanggung 5 orang anak
Tiada mempunyai pekerjaan
2. Puan Siti Mariam Omar (39 tahun)
Balu As-Syahid Zamri Md. Isa
Masih menanggung 4 orang anak
Tidak mempunyai pekerjaan
3. Puan Siti Rokiah Mat Hassan (30 tahun)
Balu As-Syahid Razdki @ Zakaria Ahmad
Masih menanggung 2 orang anak
Tidak mempunyai pekerjaan tetap
4. Puan Zainab Saleh (34 tahun)
Balu As-Syahid Ahmad Ismail
Masih menanggung 4 orang anak
Mengambil upah menoreh
5. Puan Aishah Ahmad (39 tahun)
Balu As-Syahid Mat Aroff Hashim
Masih menanggung 2 orang anak
Mengambil upah menoreh
6. Puan Mek Mud Saleh (68 tahun)
Balu As-Syahid Hj. Abdullah
Tidak mempunyai tanggungan
Kehidupan dibantu oleh anak-anak

7. Puan Joharah Awang Besar (62 tahun)
Balu As-Syahid Mat Daud Kadir
Tidak mempunyai tanggungan
Kehidupan dibantu oleh anak-anak
8. Puan Asma Ibrahim (41 tahun)
Balu As-Syahid Abdullah Yasin
Masih menanggung 3 orang anak
Mengambil upah menoreh
9. Puan Robiah Yaacob (37 tahun)
Balu As-Syahid Rozali Mat Saman
Masih menanggung 3 orang anak
Mengambil upah menoreh
10. Puan Mardziah Abd. Rahman (36 tahun)
Balu As-Syahid Ahmad Hassan
Masih menanggung 4 orang anak
Sebagai guru di Sek. Agama Nadzhah,
Bukit Besar, Kedah.
11. Puan Norfadzillah Saad
Balu As-Syahid Cikgu Shafie
Menanggung seorang anak
Sebagai guru di Sek. Men. Kepala Batas,
Seberang Perai.
Tinggal bersama ibu di Kg. Permatang Tinggi C,
Kepala Batas, Seberang Perai.
12. Puan Ratna Che Lek (38 tahun)
Balu As-Syahid Wan Abdullah Kadir
Masih menanggung 4 orang anak
Tiada sebarang pekerjaan

13. Allahyarhamah Khadlijah Ali
Balu As-Syahid Manas Waden
Meninggal dunia pada 24.8.90 (55tahun)

Di samping mereka ini, dua orang balu telah kematian suami lepas dari peristiwa Memali akibat kecederaan teruk yang dialami. Balu-balu itu ialah:

1. Puan Hjh. Zainab Salleh (63 tahun)
Balu As-Syahid Abd. Rahman Jusoh (63 tahun)
Tiada tanggungan kerana anak-anak telah dewasa serta mempunyai kerja masing-masing
2. Puan Yan Nor Mat Husin (38 tahun)
Balu As-Syahid Hassan Abdullah (36 tahun)
Masih menanggung 5 orang anak
Mengambil upah menoreh

(Umur di dalam kandungan berdasarkan kiraan tahun 1991)

Pancaroba Hidup Balu-Balu Syuhada

Secara rasminya, tanggal 19 November 1985 Kerajaan BN pimpinan Dr. Mahathir tidak sahaja melakukan kekejaman diluar batasan terhadap penduduk Memali, bukan saja membunuh 14 orang umat Islam yang beriman, malah menambahkan lagi bilangan balu dan anak-anak yatim di negara tercinta ini. Lebih jauh dari itu, tindakan tersebut telah memberi satu kesan hidup yang amat malang kepada keluarga syuhada.

Akibatnya, sehingga hari ini 37 orang anak yatim dari 78 orang sedang menghadapi perbagai masalah. Tidak sahaja sedih dengan putusnya kasih sayang anak dengan bapa, tetapi mereka

terpaksa pula melihat bagaimana ibunya terpaksa mengambil alih tugas sebagai seorang ayah. Bekerja keras untuk mencari rezeki serta memberi ilmu pada mereka.

Tidak kurang pula antara mereka ini yang terpaksa membantu ibunya bekerja mencari sesuap nasi. Tidak dapat meneruskan pelajaran dengan baik, hinggakan setengahnya terpaksa berhenti di separuh jalan. Maka, siapakah yang bertanggungjawab menjadikan mereka begitu. Mahukah dosa-dosa ini ditanggung oleh orang-orang berkenaan?

Dari jumlah 15 orang balu syuhada, setakat ini hanya dua orang sahaja yang mempunyai pekerjaan tetap sebagai guru. Hanya Puan Norfadzillah sahaja di antara mereka yang agak bernasib baik kerana beliau yang berkelulusan dari universiti, tentu tidak bermasalah membiayai kehidupannya.

Bagi Puan Mardziah Abd. Rahman yang sekadar mengajar di sebuah sekolah agama, pendapatan sekitar 300 ringgit itu, masih belum mampu untuk menampung hidup dirinya dan empat orang anak yang semuanya masih bersekolah.

Kepada Puan Solehah, isteri As-Syahid Ustaz Ibrahim yang tidak mempunyai sebarang kemahiran kerja kampung, sejauh ini belum mempunyai pekerjaan tetap. Hanya mengharapkan sedikit kebun getah tinggalan As-Syahid dan bapanya di samping sumbangan jemaah.

Sementara sebilangan besar balu yang lainnya, terpaksa mengambil upah menoreh getah. Hitung panjang hasil kerja mereka itu seperti yang diberitahu, tidak pernah lebih dari dua ratus ringgit. Dengan jumlah wang begitu, belum cukup bagi membiayai kehidupan keluarga, khususnya untuk persekolahan. Setengahnya terpaksa melakukan sebarang kerja sampingan yang difikirkan sesuai untuk menampung pendapatan.

Ketika menziarahi rumah Puan Rokiah Mat Hassan, didapati balu ini juga menggunakan kemahirannya mencantum ranting rambutan untuk dijadikan benih. Setiap benih ini akan dijual dengan harga dua ke tiga ringgit. Hasil jualan ini, dapatlah menampung kehidupan keluarganya.

Dari jumlah balu syuhada tersebut juga, seramai 10 orang dari mereka masih dibawah usia empat puluh tahun. Iaitu satu usia yang masih segar untuk berumah tangga. Bagaimanapun, sehingga ini hanya seorang sahaja (Puan Robiah) telah berumah tangga dengan seorang duda. Dan perkembangan hidupnya sentiasa dilihat oleh balu-balu lain untuk membuat sebarang keputusan.

Mungkin pada setengah orang mudah sahaja untuk menyalahkan pada mereka ini kerana tidak mahu berumah tangga. Pada hal ramai juga yang datang melamar dan mungkin ramai lagi yang berhajat begitu. Sekali fikir bagi kita, tentulah mencadangkan agar mereka ini berkahwin sahaja untuk menyelesaikan masalah. Terutamanya dalam urusan mencari pencarian hidup.

Sebenarnya, 'berat mata memandang, berat lagi bahu memikul'. Kesimpulan yang dapat dibuat hasil temubual berkaitan perkara ini dengan mereka, masih samar-samar. Hendak dikatakan mereka tidak mahu berkahwin agak sukar. Dan untuk mengatakan mereka mahu berkahwin semula, juga lebih sukar.

Balu-balu ini sebenarnya belum dapat melupai tragedi yang berlalu. Bagi mereka, tragedi itu seperti baru semalam berlaku. Wajah suami masing-masing masih segar diingatan, apa lagi bila sesekali wajah itu jelma di alam mimpi. Seperti yang dikatakan oleh Puan Asma, dia pernah mimpi bertemu suaminya. Dalam mimpi itu, suaminya sering mengatakan yang dia 'tidak mati'.

Di samping itu, mereka juga terpaksa memikirkan masa depan anak-anak. Belum pasti kebahagiaan hasil perkahwinan semula

itu, dapat dirasai bersama oleh anak-anak mereka. Sikap dan tujuan bakal suami juga perlu diambil kira. Biasanya dalam suasana-suasana begini, memang ramai yang melahirkan simpati sematamata untuk 'menanggung di air keruh'.

Dengan itu, adalah perlu sikap berhati-hati yang mereka pilih itu dihormati oleh semua pihak tanpa membuat gambaran semberono. Mereka ada hak untuk memilih samada mahu berkahwin atau tidak. Yang penting, mereka juga berhak untuk meminta sesuatu dari kita, kerana kita adalah mereka dan mereka adalah kita yang terikat di satu talian syahadah.

Sememangnya terlalu banyak pancaroba hidup yang terpaksa dilalui oleh balu-balu syuhada ini. Sebagai kaum yang lemah dandigelar pula sebagai 'janda', sudah tentu seribu satu masalah melanda mereka. Selain memikirkan tentang diri dan masa depannya, anak-anak juga tidak boleh diabaikan. Begitu juga kepada jemaah dan penerusan perjuangan yang dilalui oleh suami masing-masing.

Tidak kurang pula antara mereka ini yang terkongkong dengan masalah-masalah keluarga yang tidak mahu memahami masalah perjuangan dan hakikat sebenar di sebalik itu. Antaranya pula terpaksa menghadapi kerengah keluarga yang mencari kesempatan di sebalik penderitaan mereka.

Untuk menceritakan satu persatu penderitaan dan permasalahan yang dialami oleh balu syuhada ini, rasanya adalah tidak tergamak untuk diukirkan. Cukuplah dengan meneliti sebuah sajak yang diukirkan sendiri oleh salah seorang balu syuhada, yang mana sajak itu pernah disiarkan oleh Majalah Al-Muslimah pada 1990 yang lalu.

Dari sajak itu, membuktikan bahawa sebagai insan biasa, balu-balu ini tidak terelak dengan berbagai masalah termasuklah

fitnah demi fitnah. Sungguhpun begitu, dengan berbagai masalah itu mereka tetap istiqamah dengan perjuangan para suami masing-masing. Seterusnya mereka tetap bertekad untuk meneruskan perjuangan tersebut, termasuklah membimbing anak-anak ke arah perjuangan suci itu.

Dengan mengambil contoh kecekalan hati mujahidah zaman permulaan Islam dulu, Sumaiyah umpamanya, balu-balu syuhada ini tidak gentar untuk mengharung kehidupan yang penuh dengan pancaroba ini. Mereka letakkan pertolongan Allah itu lebih dari segala-galanya, kerana bagi mereka Allah itu lebih mengetahui segala-galanya.

Kerana itu mereka tidak pernah menyesal dengan apa yang berlaku. Mereka redha dengan perjuangan para syuhada dan redha pula dengan ujian yang di kenakan oleh Allah. Sebab itu mereka amat bersyukur dengan pertolongan Allah selama ini dengan membuka hati dermawan untuk bersama-sama mereka dilanda ujian.

Balu-balu syuhada ini dengan secara ikhlas mengakui dengan sikap prihatin pimpinan PAS dengan nasib mereka, merupakan seperti ubat yang menyembuhkan segala keperitan dan duka lara mereka sekeluarga. Berbagai program yang disusun dengan berbagai sumbangan pula, amat bererti sekali bagi mereka. Demikian juga dengan kunjungan dari masa ke masa oleh banyak pihak dan individu.

Mereka juga melahirkan rasa pilu bagaimana Allah telah membuka banyak hati-hati umat Islam, supaya memahami keadaan hidup mereka. Selama ini, tidak pernah terlintas di hati mereka itu yang kalangan seperti keluarga Almarhum Tunku Abd. Rahman Putra Al-Haj, mempunyai simpati yang begitu tinggi pada keluarga syuhada. Itulah kekuasaan Allah.

Balu-balu Memali

detik-detik pilu
dalam rintihan penderitaan
kian jarak nun perpisahan
ia tersirat tetap menjadi kenangan

antara kita dan dia
adalah ketetapan tertera
meskipun kepedihan tidak terkata
tapi tertahan jua
oleh keredhaan Azawajalla

kesukaran bersama rintihan
engkau selalu mengganggu
tenggelam dalam tangisan
inulah ujian menguji keimanan

antara pengertian demi pengertian
pergiunya bukan kesalan
apa yang teringgal
hanya sisa perjuangan
jua penghinaan
belajarlah sendiri mencari ketenangan
memohon rahmat serta keredhaan

kamu mungkin teringat
kececalan serta semangat
sumatyah, masitah, asiah
menemui penderitaan jua keringat
tetap istiqomah, cekal dan kental

engkau jua insan lemah
kudus serta jernih
punya prinsip jamaah
punya ruang masalah

setengah dekad pertuhanan
bersama sebuah perjuangan
kamu juga punya keinginan
jika tidak ketahanan
ingatkah!
umpama haiwan
bersamamu tanpa huan

Mardziah Hj. A. Rahman
Bukit Besar



Anak-anak As-Syahid Ustaz Ahmad Hassan



Sajak hasil karya balu As-Syahid Ahmad Hassan yang pernah
diarkakan oleh majalah Muslimah



*Pn. Solehah Haji Husin balu As-Syahid Ustaz Ibrahim
Libya*



Puan Mariam Omär, balu As-Syahid Zamri Md Isa




Puan Zainab Salleh, balu As-Syahid Ahmad Ismail



Puan Asma Ibrahim, balu As-Syahid Abdullah Yasin



Puan Ratna Che Lek, isteri As-Syahid Idris Kadir



Puan Rokiah Hassan, isteri As-Syahid Radzki Ahmad



*Pn. Yan Nor Mat Husin, balu As-Syahid
Hassan Abdullah*



*Pn. Norfadzillah Saad, balu As-Syahid
Shafie Dahaman*



Allahyarhamah Khadlijah Ali (meninggal pada 24.8.90), balu As-Syahid Manas Waden



Puan Zaharah Awang Besar, balu As-Syahid Md. Daud Kadir



Pn. Robiah Yaacob, balu As-Syahid Rozali Saman



Puan Mardhiah Abdul Rahman, balu As-Syahid Ahmad Hassan



*Puan Hjh. Zainab Salleh, balu As-Syahid Hj.
Abdul Rahman*



Puan Aishah Ahmad, balu As-Syahid Mat Aroff



Puan Mek Mud Salleh, balu As-Syahid Hj. Abdullah



Para balu dan anak-anak syuhada, tenang mendengar pesanan pemimpin



DP PAS Pusat, Ustaz Fadzil Mohd Noor sedang menyampaikan
sumbangan Hari Raya



Encik Sani mewakili keluarga Almarhum Tunku Abdul Rahman
menyampaikan sumbangan Hari Raya

III

**RENTETAN KEKEJAMAN
PERISTIWA**

istiwa Sebelum Kejadian Memali

Tragedi Memali adalah suatu sejarah hitam yang tidak dapat diadamkan dengan penafian yang begitu mudah. Ianya menjadi satu catatan yang amat tinggi nilainya dalam diari kebangkitan kaum muktahir ini di negara kita.

Masyarakat Memali sebelum kembalinya Ustaz Ibrahim, adalah masyarakat yang kosong dengan amaliah dan tatasusila Islamnya. Sekembalinya dengan kesedaran tanggungjawab yang jelas ke Memali, Ustaz Ibrahim berusaha membangunkan sebuah madrasah di Memali. Hasilnya, lahirlah Madrasah Islahiah Diniyah di Memali. Sehingga sekarang, madrasah ini menjadi pusat ilmu dan tarbiah yang hidup.

Sejak dibimbing oleh Ustaz Ibrahim melalui kuliahnya, masyarakat Memali dan sekitarnya mulai sedar dan nur keimanan mula terpancar sedikit demi sedikit. Yang akhirnya keimanan mereka semakin jitu dan perjuangannya semakin padu.

Arus keedaran ini tidak disenangi oleh orang-orang Islam yang berfahaman UMNO. Dibimbangkan pengaruh mereka semakin pudar dikikis oleh kesedaran masyarakat tentang tuntutan Islam yang sebenar dan syumul.

Cawangan-cawangan UMNO berdekatan dengan Memali telah mendesak UMNO Bahagian agar mengambil satu tindakan segera menghalang pengaruh Ustaz Ibrahim. Hasil dari itu, UMNO Bahagian telah menghantar laporan kepada UMNO pusat supaya tindakan ke atas Ustaz Ibrahim diambil.

Akibat desakan yang kuat dari golongan politik ini, menyebabkan pihak polis terpaksa menangkap Ustaz Ibrahim pada akhir bulan Ogos 1984, tetapi tidak berjaya dalam operasi pertama mereka.

Menyedari hal ini, pengikut Ustaz Ibrahim yang sayangkan pada keselamatannya, melindungi Ustaz Ibrahim di satu tempat yang tidak diketahui. Bagaimanapun, ketika itu, beberapa orang tokoh PAS seperti Mohamad Sabu, Ustaz Abu Bakar Chik dan Bunyamin Yaacob, berjaya ditahan oleh polis di bawah ISA.

Sejak itu, pengikut Ustaz Ibrahim dari Kampung Memali dan Charok Putih, telah dipanggil bergilir-gilir ke balai polis untuk disoal-siasat. Pada mulanya, pihak polis mendapat kerjasama yang baik, tetapi apabila ada unsur-unsur mengugut ke atas pengikut Ustaz Ibrahim, langsung tidak ada kerjasama lagi.

Seterusnya Ustaz Ibrahim meneruskan kuliah di rumahnya apabila keadaan menjadi agak reda. Beliau lebih menekankan soal jihad dan syahid di dalam penyampaiannya. Ketika ini, tanpa diarah, pengikut Ustaz Ibrahim membentuk pasukan pengawal bagi menjamin keselamatan Ustaz Ibrahim. Pada 20 Oktober 1985, satu majlis ceramah telah diadakan di Memali. Penceramah yang diundang ialah Ustaz Awang Bakar dari Terengganu.

Pada malam itu, semasa majlis ceramah sedang berjalan, sebuah van telah ditahan oleh pihak polis di Pekan Weng. Lebih kurang 2.5 kilometer dari tempat ceramah. Van serta pemandunya ditahan atas alasan membawa senjata (sebilah parang).

Setelah mengemukakan beberapa rayuan dan perbincangan, pegawai polis yang terlibat tidak mahu membebaskan pemandu dan van tersebut. Sebaliknya, kata-kata yang kesat dan menyakitkan hati telah dikeluarkan oleh pihak polis itu. Berita ini dengan segera sampai ke pengetahuan pengunjung majlis ceramah.

Hadirin yang kebanyakan terdiri dari pendokong PAS, mulai gelisah dan setengahnya marah dengan sikap pihak polis itu. Dalam

ini adalah muncul sebuah kereta peronda polis. Yang mana antaranya termasuklah Ketua Polis Daerah Baling sendiri.

Kereta tersebut telah ditahan oleh orang ramai untuk mengesahkan kejadian sebenar. Kerana salah faham, berlakulah sedikit pertikaan lidah antara kedua belah pihak lebih 30 minit.

Dalam keadaan gawat ini, salah seorang dari orang ramai telah membawa empat orang anggota polis naik ke rumah saudara Yusuf the Mid. Tindakan ini dibuat semata-mata untuk mengelakkan anggota polis itu diapa-apakan oleh orang ramai yang mulai panas. Setelah keadaan agak reda, keempat anggota polis itu pun turun dari rumah tersebut.

Ketua polis akhirnya telah mengarahkan pemandu dan van yang ditahan tadi, dibebaskan. Sementara itu, majlis ceramah diteruskan sehingga tamat jam 12 malam.

Keesokan harinya, hebohlah mengatakan orang PAS menahankan polis dan orang PAS ganas serta jahat. Dengan alasan ini, UMNO cawangan telah menubuhkan jawatankuasa bertindak dan bersetuju untuk mengambil tindakan terhadap Ustaz Ibrahim serta pengikutnya.

Bagi menguatkan hujah mereka, UMNO dan kuncu-kuncunya telah mengada-adakan laporan palsu dengan harapan mempercepatkan tindakan polis ke atas Ustaz Ibrahim.

Antara laporan palsu yang dikemukakan ialah menuduh Ustaz Ibrahim sedang mengumpulkan senjata api untuk melawan pihak polis. Mereka juga menuduh yang Ustaz Ibrahim mendapat bantuan pihak Pejuang Pembebasan Petani (PULO).

Ustaz Ibrahim juga dikatakan membina kubu-kubu bawah tanah dan berbagai lagi dakwaan yang diadakan oleh mereka. Akibat desakan dari berbagai peringkat UMNO cawangan, bahagian, negeri dan pusat maka pada 18 november 1985 antara jam 2 ke 5 petang, berpuluh-puluh trak polis hutan telah memasuki Memali.

Anggota-anggota polis itu memberitahu penduduk yang mereka diarah menawan sebuah perkampungan komunis. Bagaimanapun, pengikut Ustaz Ibrahim lebih memahami hasrat sebenar kedatangan mereka itu dan menganggap itu sebagai ujian menghadapi perjuangan.

18 November - Malam Keramat

Pengikut Ustaz Ibrahim yang menyedari kedatangan pasukan polis hutan (PPH) untuk menangkap guru mereka, telah mencajangkan agar Ustaz Ibrahim lari menyembunyikan diri. Saranan dari pengikutnya telah ditolak dengan mudah.

“Ana tidak pernah membuat salah, tidak pernah mencuri, tidak pernah menodai anak isteri orang, tidak pernah menipu sesiapa, tidak pernah menggelapkan wang kerajaan dan lain-lain lagi. Jadi, atas alasan apa, ana mesti lari ?” tanya beliau.

“Ana yakin, bahawa ana hendak ditangkap kerana ana meniupkan kesedaran Islam, meniup semangat jihad, menyalakan kemanisan iman di kalangan umat yang kian mabuk dunia dan isinya. Ana tetap dengan pendirian ana. Jika kerana ana bercakap tentang Islam ini hendak ditangkap, ana redha, ana rela tetapi, setelah ana terbujur kaku. Sesungguhnya, ana tidak akan menyerahkan diri ana hidup-hidup kepada sesiapa yang menentang

an memusuhi Islam.”

“Biarlah ana ditangkap setelah ana menjadi mayat. Bagi ana, dari hidup menjadi bangkai, lebih baik mati bergalang tanah, jika mati itu adalah mati SYAHID. Dari hidup digigit anjing, lebih baik mati dibaham ulat, jika mati itu mati SYAHID. Maka, syahid itulah yang ana idamkan.”

“Insyallah, ana tidak akan mundur dari menyatakan kebenaran biarpun hancur jasad ana dimamah peluru. Ana yakin, kebenaran dari Allah tetap menjelma.”

Demikianlah antara ungkapan Ustaz Ibrahim kepada pengikutnya pada malam 18 November 1985 ketika kampung Memali di kepung polis.

Dalam keadaan ini, kuliah Ustaz Ibrahim berjalan seperti biasa. Diikuti dengan sembahyang hajat dan bacaan Yaasin. Kemudian diadakan sedikit jamuan selepas majlis tersebut. Kehadiran orang kampung lebih kurang 200 orang.

Rata-rata yang hadir atas niat yang satu dan padu, iaitu untuk bersama dengan Tuan Guru Ibrahim Mahmud dalam menghadapi sebarang kemungkinan. Sebenarnya, penduduk kampung Memali tidak pernah dipaksa mengikutnya, sebaliknya atas sifat kasih sayang terhadap seorang guru, mereka sanggup bersama beliau untuk menumpang keberkatan jihadnya itu.

Kepekatan malam pada 18 November seolah-olah membayangkan petanda bahawa pada keesokkannya, akan terukir utuh satu peristiwa hitam berdarah pada lembaran perjuangan untuk di nilai dan diteladani oleh generasi muka.

Pada malam tersebut, ketika Ustaz Ibrahim tenang dengan kuliahnya seperti biasa, suasana diperkampungan Memali, telah wujud perkhemahan sementara oleh anggota PPH. Sesekali terdengar dan terlihat tembakan cahaya ke langit di beberapa tempat sekitar perkhemahan tersebut.

Ketenangan malam 18 November mula terganggu dan menjadi agak panas apabila ada berita mengatakan rumah Ustaz Ibrahim akan dikepung pada malam itu. Suasana menjadi tegang dan gawat. Marah....meradang...tenang.

Kepada pengikut Ustaz Ibrahim yang telah pun bertekad untuk bersamanya, berita ini disambut dengan mengetatkan lagi kawalan keselamatan di sekitar rumah. Mereka bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Dalam keadaan begini pun, masih ada juga anak buah beliau yang cuba melembutkan hatinya agar lari menyembunyikan diri. Bagimanapun, Ustaz Ibrahim tetap dengan pendiriannya. Beliau tetap akan mengotakan apa yang dikatakan dalam setiap kali kuliah dan ceramahnya.

Sekali lagi beliau menegaskan, "Jika sampai masanya kamu terpaksa berdepan dengan perjuangan yang memerlukan darah dan nyawa, jangan ada antara kamu yang memalingkan tumit-tumit kamu ke depan (lari), kerana jika mati ketika lari itu, maka kamu telah menempah salah satu tiket ke neraka."

Sungguhpun kawalan sekitar rumah Ustaz Ibrahim boleh dikatakan rapi, tetapi niat para pengawal untuk menyerang pasukan PPH, sedikitpun tidak terlintas di hati mereka. Mereka benar-benar ingin mempertahankan diri dan tuanguru yang dicintai itu.

Lagipun, tujuan menyerang sekali-kali tidak dibenarkan oleh Ustaz Ibrahim. Beliau telah mengigatkan bahawa jangan sekali-kali sesiapa memulakan pergaduhan. Cukup sekadar bertindak mempertahankan perjuangan, diri, harta benda dan keluarga di kawasan rumah.

Di saat menunggu kepungan dari PPH seperti khabar yang sampai tadi, muncul sebuah kereta putih yang dinaiki oleh empat orang. Pemandunya amat dikenali, iaitu seorang aktivis PAS di kawasan Kuala Ketil. Beliau datang bersama tiga orang yang di dakwanya sebagai – komando PAS”.

Sungguhpun begitu, kehadiran tiga sahabatnya itu tetap dicurigai. Pergerakkan mereka diawasi oleh pengawal. Mereka juga telah menemui Ustaz Ibrahim dan meminta beliau menyerah diri kepada polis dengan baik. Bagaimanapun setelah Ustaz Ibrahim meminta apakah kesalahannya, mereka tidak dapat kemukakan.

Berdasarkan kecurigaan ke atas gerakgeri mereka, ke empat mereka ini tidak dibenarkan bermalam di rumah Ustaz Ibrahim. Mereka diarah bermalam di Madrasah Islahiah Diniyah, kerana bimbang akan berlaku sesuatu yang tidak diinginkan. Bagaimanapun, mereka ini telah hilang pada malam itu juga.

Kemungkinan mereka sendiri sedar yang mereka telah dicurigai. Dan sehingga hari ini, mereka tidak pernah lagi datang ke Memali. Dari maklumat yang boleh dipercayai, mereka itu sebenarnya ejen polis Cawangan Khas (SB).

19 November — Pagi Berdarah

Fajar merah pagi 19 November telah disambut dengan azan dan seterusnya diikuti dengan sembahyang Subuh. Kemudiannya, Ustaz Ibrahim mengadakan kuliah Subuh seperti biasa. Seolah-olah

tiada apa-apa yang sedang dan akan berlaku.

Selepas kuliah Subuh, ada juga beberapa orang ahli jemaah yang pulang ke rumah untuk keperluan tertentu. Bagaimanapun, ramai lagi yang masih menunggu di rumah Ustaz Ibrahim. Di antara mereka ini, terdapat juga kaum muslimat serta kanak-kanak, yang turut bermalam di situ, tidak berganjak dari rumah Ustaz.

Kebanyakan dari mereka ini adalah yang mempunyai ikatan keluarga dengan Ustaz Ibrahim. Di samping ada juga yang datang semata untuk membantu isteri Ustaz Ibrahim melayan tetamu. Begitulah gambaran yang terdapat di pagi hari di rumah Ustaz Ibrahim.

Lebih kurang jam 7.30 pagi, seorang ahli PAS dari Sik tergesa-gesa datang memberitahu bahawa berderet-deret trak merah (unit FRU) sedang menuju ke arah Memali. Serentak dengan itu juga, berderetan kenderaan polis seperti PDRM, PPH, UTK dan UKK muncul.

Keadaan penduduk Memali mulai kelam-kabut. Termasuk yang berada di rumah Ustaz Ibrahim. Lebih-lebih lagi melihatkan anggota polis yang ramai itu, lengkap bersenjata. Bagaimanapun keazaman mereka untuk bersama dengan Ustaz Ibrahim masih kental.

Jam lapan pagi, seluruh jalan raya di Memali dipenuhi kenderaan polis dari berbagai unit, termasuk polis wanita. Masa ini, sekatan jalanraya telah diadakan di simpang tiga menuju ke Pekan Sik dan juga Kampong Becah Sawa.

Turut bersama dengan anggota polis ini ialah beberapa orang JKKK dari kampong berdekatan. Termasuk juga antaranya ADUN

Bayu ketika itu serta beberapa orang pimpinan UMNO tempatan. Walaupun kehadiran mereka ini dinafikan, tetapi beberapa orang saksi dapat ditampilkan untuk membuktikannya.

Sepuluh minit kemudian, terdengar arahan agar bersurai dan menyerah diri dilaungkan. Tetapi, suara arahan tersebut hilang di telan oleh suara takbir dari pengikut Ustaz Ibrahim. Memandangkan arahan mereka tidak dihiraukan, lima minit kemudian, tembakan gas telah di lepaskan.

Seluruh kawasan rumah Ustaz Ibrahim hampir satu ekar itu, dipenuhi dengan gas. Serentak dengan itu, dalam anggaran tiga ke empat ribu anggota polis merapati rumah Ustaz Ibrahim. Pengawal rumah Ustaz Ibrahim menjalankan tugas masing-masing.

Ada antaranya mengambil gas yang tidak meletup lalu dibal- ingkan semula ke arah polis. Ada pula yang cuba menutup gas yang sedang berasap dengan guni, air dan kain. Terdapat juga yang mengepalai doa wehdah yang diselang-seli dengan takbir.

Setengah jam kemudian, seorang kanak-kanak yang tidak tertahan menghidu gas, mengalami sesak nafas dan mulutnya berbuih lalu pengsan. Melihat keadaan ini, Cikgu Shafie mulai marah terhadap tindakan tidak berperikemanusiaan pihak polis. Tanpa berleengah, dia meluru ke arah sekumpulan polis.

Bagaimanapun, sebelum hampir kepada anggota polis itu, beliau telah ditembak dalam jarak lebih kurang 3 meter. Namun begitu, setelah jatuh dicubanya bangun untuk merapati anggota polis. Belum hampir, akhirnya beliau gugur sebagai syuhada per- tama dalam peristiwa Memali (Al-Fatihah).

Peristiwa ini merupakan titik-tolak kepada tindakan seterusnya.

Dengan semangat setiakawan dan persaudaraan Islam yang tinggi, terdengar suatu tembakan senapang kampung dan serentak dengan itu, kelihatan kumpulan anggota polis yang menembak As-Syahid Cikgu Shafie tadi, rebah dan bertempiaran mengambil perlindungan.

Kemudian, keadaan kembali tenang seketika. Bagaimanapun, tembakan gas masih berterusan sehinggalah jam satu tengahari.

Dari maklumat yang diterima, bekalan gas di Kedah telah kehabisan sehingga terpaksa dipinjamkan dari Perak. Ini adalah tidak mustahil kerana, lebih dari lima jam gas itu ditembak tanpa henti walaupun seminit.

Mungkin gas yang dilepaskan itu tidak berfungsi kerana antara jam 10 pagi lebih, hujan renyai-renyai mula turun. Inilah antara pertolongan Allah untuk pejuang Memali ini. Dalam masa yang sama, anggota polis dari berbagai unit telahpun mengelilingi rumah Ustaz Ibrahim lengkap dengan senjata yang dalam keadaan bersedia untuk menembak.

Di samping senjata api, pasukan polis ini juga turut membawa bersama mereka alat perakam video. Beberapa buah kamera videonya telah menghala ke setiap penjuru rumah Ustaz. Keadaannya tidak ubah seperti satu penggambaran filem sedang dilakukan oleh pengarah dan pelakonnya.

Di luar rumah Ustaz Ibrahim ketika itu, pihak polis masih memberi arahan agar semua bersurai dan menyerah diri. Sambil itu, kedengaran suara yang mengatakan orang kampung bertindak bodoh kerana mempertahankan Ustaz Ibrahim. Sebaliknya, setiap arahan dan kata-kata itu, hanya di balas dengan suara takbir serta doa wehdah sahaja.

Pengikut Ustaz Ibrahim juga tidak melepaskan peluang untuk

perjuang. Sungguhpun tidak ada senjata api yang lengkap, mereka membalas tembakan polis dengan lastik. Namun begitu, dengan bantuan Allah, setiap mereka yang kena peluru lastik ini pasti jatuh dan menjerit-jerit kesakitan atapun terus mendiamkan diri.

Hujan yang tadinya renyai-renyai, telah bertukar menjadi hujan panas yang bercahaya merah. Seolah-olah membawa erti yang perjuangan ini semakin hampir kepada pengaliran darah syuhada yang lebih hebat.

Melihat kepada sikap pengikut Ustaz Ibrahim yang tidak berubah itu, maka Pengarah Keselamatan Dalam Negeri yang turut bersama ketika itu (Datuk Yahya Yeop) telah memanggil wakil dari Ustaz Ibrahim (Pak Teh Md. Piah) untuk berunding. Peristiwa ini berlaku lebih kurang jam 12.30 tengahari.

Dalam pertemuan itu, Datuk Yahya telah meminta tiga orang yang didakwa sebagai penjenayah, dan Ustaz Ibrahim sendiri menyerah diri. Mereka bertiga itu ialah saudara Yusuf Che Mid, Md. Ali Yatim dan Azman Yatim. Sebenarnya waktu itu, mereka ini tidak ada di rumah Ustaz Ibrahim dan juga di kampung Memali.

Sebagaimana tekadnya, Ustaz Ibrahim tetap tidak mahu menyerah diri, atas alasan beliau tidak bersalah. Dalam masa perbincangan ini, sebuah helikopter dengan rendahnya telah melintas di udara. Suasana ini menambahkan lagi kegentingan yang wujud.

Memandangkan rundingan tersebut tidak mendapat kata putus, akhirnya Datuk Yahya memberi masa sepuluh minit untuk bersurai dan menyerah diri. Beliau berkata, sebarang kejadian yang berlaku selepas itu, adalah di luar tanggungjawabnya. Inilah ungkapan terakhir beliau.

Serangan Pertama Yang Meragut Nyawa

Hampir tamat tempoh sepuluh minit yang diberikan, sekali lagi rundingan diadakan. Pak Teh Md. Piah sebagai wakil Ustaz Ibrahim, memberitahu Datuk Yahya bahawa Ustaz Ibrahim tidak mahu menyerah dan tiga orang yang disebutnya sebagai penjenayah itu tidak ada.

Selepas beberapa minit, Datuk Yahya berlalu, pintu pagar rumah Ustaz Ibrahim dirempuh dengan kereta perisai PPH dan di belakangnya sekumpulan anggota dari Unit Tindakan Khas (UTK) turut bersama. Tembakan peluru hidup dilepaskan.

Dalam waktu yang sama, beberapa pengikut Ustaz Ibrahim meluru ke arah pasukan UTK ini. Beberapa orang dari anggota UTK di dapati rebah. Mungkin tidak fikir yang mereka akan hadapi tentangan, pasukan dari UTK ini mula berundur sambil membawa rakan yang tercedera. Pengikut Ustaz Ibrahim pula ramai yang rebah cedera dan juga mati.

Anggota polis melepaskan tembakan dari berbagai arah menuju ke kawasan rumah Ustaz Ibrahim. Pengikut Ustaz Ibrahim bergelimpangan rebah di setiap penjuru samada mengelak dari terkena peluru atau disebabkan kena peluru. Bagaimanapun, dengan pertolongan Allah, masih ramai yang terselamat walaupun tembakan dahsyat berlaku di setiap penjuru.

Kengerian bunyi temabakan tadi, telah bertukar dengan suasana sedih dan pilu. Hati-hati yang beriman tidak dapat melihat, bagaimana ratapan dari anak-anak disisi pangkuan ayah yang telah kaku. Begitu juga dengan isteri yang kehilangan suami yang dicinta.

Keadaan pilu ini, telah membuatkan seorang sahabat tampil

edepan dengan membuka bajunya. Dengan suara lantang beliau meminta anggota polis menembak sahaja mereka yang ada kesemuanya, termasuk anak-anak dan wanita yang tak bermaya lagi. Beliau juga meminta anggota polis membunuh semua pengikut Ustaz Ibrahim, kalau itu yang dapat memuaskan hati mereka dan pemerintah.

Seorang lagi sahabat, iaitu Ustaz Harun, kelihatan sedang menadah tangan berdoa, sambil mengadap kiblat. Bajunya berlumuran dengan darah akibat terkena tembakan. Mungkin beliau sedang berdoa agar ditempatkan dalam syurga menjelang kematiannya bila-bila masa sahaja lagi.

Seorang lagi sahabat turut berbuat begitu. Beliau tidak cedera dalam serangan itu. Bagaimanapun, beliau secara bersungguh hati dengan lehan air mata, agar beliau di pilih sebagai mujahid yang gugur sebagai syhada.

Dalam serangan ini, Ustaz Ibrahim masih selamat. Beliau sentiasa menenangkan pengikutnya di samping memberi semangat agar tidak lupa kepada Allah dan terus berjuang. Beliau mengatakan, bahawa perjuangan itu sedang dilihat dan dinilai oleh Allah.

Sungguhpun, perjuangan yang dilalui itu merupakan hidup dan mati, namun tidak seorang pun yang melahirkan rasa kesal atau lari meninggalkan perjuangan itu. Mereka tabah menghadapi ujian berat perpisahan dunia dan akhirat. Mereka rela meninggalkan segala-galanya. Baik anak isteri atau suami serta harta benda yang disayang.

Segala makhluk pada hari itu akan menyaksikan bagaimana mereka telah berjaya mengatasi semua kepentingan. Kesabaran anak isteri melihat tubuh yang dicintai terbujur kaku, serta datuk yang tenang melihat ratapan cucu yang kehilangan ayah

sungguh mengharukan para sahabat.

Serangan Kedua Memburu Ustaz Ibrahim

Suasana pilu yang mencengkam hati itu, disaksikan oleh pasukan polis dengan penuh rakus. Mereka seperti belum puas dengan apa yang dilakukan. Ratapan anak isteri terhadap tubuh yang terbujur itu, ditonton oleh mereka ini bagaikan satu pesta hujan berdarah. Mereka riang dan gembira atas kejayaan menggepalakan masa depan beberapa keluarga di Memali.

Tindakan kejam yang dilakukan oleh anggota polis itu, tidak terfikir untuk diulang lagi oleh orang-orang kampung yang lemah itu. Rupanya perkiraan mereka salah. Dalam suasana begitu terharu, tiba-tiba satu serangan serentak ke setiap penjuru rumah Ustaz berulang lagi. Pasukan PPH dan UTK dengan ganasnya merempuh masuk melalui pintu pagar yang telah dirobohkan oleh kereta perisai tadi.

Seiring dengan itu, mereka melepaskan tembakan menggila yang lebih dasyat dari yang pertama tadi. Bunyi tembakan dan peluru yang terbang berdesing ke udara. Di saat ini, pengikut Ustaz Ibrahim tidak berdiam diri. Mereka mara ke hadapan menahan rempuhan pasukan polis itu. Akhimya, beberapa orang pengikut Ustaz Ibrahim rebah dihinggapi peluru.

Datuk Yahya Yeop juga bersama dalam kumpulan anggota polis itu. Beliau bersama beberapa pelindungnya dengan senjata terhunus mara ke arah dapur mencari Ustaz Ibrahim. Tidak kurang dari lima laras senjata M16 menghala ke arah Ustaz Ibrahim dalam jarak tidak sampai 5 meter. Senjata yang tidak mengenali siapa di hadapannya itu, serentak memuntahkan pelurunya tepat mengenai

taz. Namun begitu, dengan hati penuh cecal, dihimpunkan uruh tenaga terakhir menuju ke arah Datuk Yahya.

Bagaimanapun, akhirnya Ustaz Ibrahim terjatuh dengan lututkannya menongkat tanah. Tangan kirinya pula sedang menekan perut menahan aliran darah suci. Sementara tangan kanannya pula erat menggenggam pedang. Tidak lama beliau dapat bertahan begitu. Akhirnya beliau gugur rebah ke bumi dengan penuh syukur.

Melihatkan ini, sanak saudara Ustaz Ibrahim serta pengikutnya yang berhampiran menerpa untuk memberi bantuan. Pemembak-pemembak gila tadi, bergegas keluar dari kawasan rumah Ustaz Ibrahim untuk menonton babak seterusnya dari luar. Suasana kembali aman dan tenang dari tembakan.

Tubuh-tubuh yang cedera dan kaku bergelimpangan di beberapa tempat. Mereka yang tadinya berniarap mencari perlindungan dari peluru sesat, segera bangun mencari keluarga atau sahabat yang cedera. Pesta ini, sekali lagi menjadi tontonan anggota polis itu.

Suasana sedih dan pilu yang terhenti tadi berulang lagi. Kali ini lebih menyedihkan dari serangan pertama tadi. Seorang isteri kelihatan meratapi suaminya yang gugur di medan perjuangan. Tidak lama kemudian, datang pula anak gadis mereka turut meratapi pemergian ayahnya itu. Esakkan tangisan mereka itu sungguh memilukan.

Kemudian, datang pula anak lelaki suami isteri itu yang berusia lebih kurang 18 tahun. Dia merapati ibu dan adik perempuannya sambil berkata, "Mak! Ayah pergi sebagai syuhada. Insya'Allah, ayah akan mendapat ganjaran yang tinggi dari Allah. Jangan emak dan adik kesal dengan pemergian ayah ini. Selagi saya

masih hidup, sayalah pelindung keluarga menggantikan ayah. Marilah kita berdoa semoga Allah menerimanya sebagai syuhada.”

Terubatlah hati ibu dan adik mendengar kata-kata seorang nujahid muda itu. Kaum keluarga Ustaz Ibrahim juga demikian. Mereka mengusung tubuh Ustaz yang telah lemah itu, ke bawah rumah dapurnya. Isterinya yang setia memangku kepala Ustaz Ibrahim yang tidak putus-putus menyebut nama Allah. Anak bongsu Ustaz Ibrahim (Norsyuhada) telah lama pengsan kerana terhidu gas pemedih mata tadi.

Dengan gugurnya Ustaz Ibrahim, pengikutnya seperti anak ayam yang kehilangan ibu. Tiada lagi tempat untuk membuat rujukan. Ramai sahabat yang menganjurkan agar menyerah diri sahaja. Keadaan sekarang cukup serba salah. Dalam keadaan ini, pasukan polis tadi mula menghampiri ke arah pengikut Ustaz Ibrahim. Berdebar-debar hati mereka ini untuk menanti saat serangan ketiga dan selanjutnya.

Layanan Di Kem UKK Tanjong Pari

“Menyerah, menyerah, lebih baik menyerah !” kedengaran suara dari Datuk Yahya kepada pengikut Ustaz Ibrahim.

Serentak dengan itu, seperti dipukau, pengikut Ustaz Ibrahim yang masih serba-salah, membiarkan sahaja tangan-tangan mereka digari seorang demi seorang. Ada yang digari berduaan dan ada pula yang hanya berseorangan.

Pengikut Ustaz Ibrahim ini, bukan sahaja digari, sebaliknya ramai antara mereka yang terpaksa menghadapi berbagai seksaan. Seorang sahabat yang digari, telah dipukul dengan kuat kepalanya

ngan cota sehingga luka besar. Dia terpaksa menanggung penderitaan itu sendiri kerana tiada siapa yang dapat membantu.

Ada pula antara sahabat yang dihayunkan ke dalam trak seperti sampah sarap. Kemudian ditendang pula dengan kuat hingga terpelanting ke hujung trak. Ada juga yang bemasib baik, langsung tidak disentuh oleh pasukan ganas itu. Mereka ini akan di bawa ke Kem UKK Tanjong Pari, iaitu lebih lebih kurang 8km dari Memali.

Dalam perjalanan ke kem tersebut, dapatlah disaksikan begitu banyak sekali trak-trak polis dan FRU di sepanjang jalan kampung Memali itu. Waktu itu, jam telahpun pukul 2 petang. Mereka yang dibawa ke kem itu, sebenar tidak tahu bagaimana nasib sahabat yang cedera atau gugur sebagai syahid. Entah ke mana mereka dibawa.

Sesampai sahaja di Kem Tanjong Pari, yang lelaki diarah beratur dalam dua barisan dengan tangan bergari. Waktu ini, mereka di gari berdua-duaan. Sementara yang perempuan pula diarah beratur dalam satu barisan. Di saat ini hujan turun dengan lebat sekali. Jadi, terpaksa lebih dua jam berada di dalam keadaan hujan itu.

Bayangkanlah betapa seksanya mereka yang cedera dibiarkan di dalam hujan lebat. Begitu juga dengan mereka yang tidak berbaju. Bagaimanapun, seperti yang diperingatkan oleh Ustaz Ibrahim, bahawa perjuangan mereka di lihat oleh Allah. Mereka ini tenang dan tabah walaupun berada dalam keadaan terseksa.

Orang-orang perempuan pula agak bemasib baik sedikit. Mereka diberi peluang berlindung di kaki lima bangunan kem itu. Sementara menunggu urusan mencatat pengenalan diri dalam keadaan duduk bersila itu, beberapa orang anggota polis mendaftari dan memaki hamun mereka. Berbagai-bagai cercaan dengan

kata-kata kotor serta jijik didengar dikeluarkan. Beberapa orang dari pengikut Ustaz Ibrahim yang tidak bermaya, disepak oleh anggota polis ini.

Memandangkan jumlah tahanan ramai, termasuk kanak-kanak yang masih menyusu, maka urusan mengambil maklumat adalah memakan masa. Sehingga pukul enam petang belum selesai. Mereka dipindahkan ke bangsal trak yang ditakungi minyak hitam di sana sini.

Sementara itu, kelihatan beberapa anggota UKK membawa pengusung yang mengandungi seseorang. Sebenarnya, itulah antara sahabat yang cedera atau syahid. Lebih kurang jam 7 malam, baru pengikut Ustaz Ibrahim ini dijamu dengan nasi berlauk ikan sardin dan buah betik. Tangan tetap bergari.

Sebenarnya, sejak malam rumah Ustaz Ibrahim dikepung, sehingga ke saat itu, itulah baru mereka mengecapi makanan. Sungguhpun begitu, kelaparan tidak sesekali menjenguk diri mereka itu. Itulah juga antara kelebihan dan pertolongan yang diberikan oleh Allah. Makanan yang diberikan pada malam itu, sekadar cukup bagi mengalas perut untuk satu masa yang belum diketahui lagi.

Pengikut Ustaz Ibrahim yang ditahan pada hari itu, di pecahkan kepada empat kumpulan. Kumpulan pertama ialah orang kanan Ustaz Ibrahim, iaitu saudara Yusuf Husin. Sebaik sahaja di tawan, dia dibawa ke Balai Polis Pekan Baling dan kemudian terus ke Alor Setar. Kumpulan kedua adalah anggota rela yang juga ditempatkan di kem tersebut. Tetapi diasingkan mereka ke dalam satu bilik khas.

Mereka ini, telah menerima ujian yang lebih berat di situ. Deraan dan seksaan di luar kemampuan, hinggap setiap saat pada diri mereka. Kumpulan ketiga pula ialah orang-orang perempuan

kanak-kanak dan seterusnya kumpulan keempat, orang lelaki
asa.

Pada malam itu, kumpulan lelaki biasa ini terpaksa tidur di
angsang berminyak itu. Dengan tidak berbaju, terpaksa pula tidur
dengan menyandarkan belakang sesama kawan segari. Malam itu,
ujan renyai-renyai turun. Bagaimanapun, dengan ditemani oleh
nyamuk-nyamuk yang tidak mengetahui erti perjuangan, mereka
terlelap juga.

Dalam keadaan yang amat menyiksakan ini, mereka ini masih
taat dengan Allah. Mereka tetap menunaikan solat secara berisyarat
menandakan hormat waktu. Hati mereka pula tidak lepas dari
mengigati Allah, sehinggalah nyenyak tidur sepanjang malam itu.

Jam lapan pagi esoknya, mereka dijamu dengan teh bersama
roti kering. Selesai makan, mereka diberikan pakaian yang dikutip
dari rumah Ustaz Ibrahim. Entah siapa punya, asalkan boleh pakai,
mereka pakai. Jam sepuluh pagi, meja yang beralas kain putih di
atur depan mereka. Kerusi juga disediakan.

Tidak lama selepas itu, datang seorang yang diperkenalkan
sebagai majisteret yang membacakan perintah menahan mereka
selama 14 hari untuk siasatan. Arahan itu diterima dengan hati yang
tenang. Sekali lagi kumpulan yang ramai ini, dipisahkan ke beber-
apa buah balai untuk siasatan.

Dua orang dihantar ke Alor Setar, empat orang ke balai Gurun,
tujuh orang ke balai Kulim dan selebihnya di Kem PPH Sungai
Petani. Kumpulan inilah yang teramai, lebih kurang 125 orang
termasuk perempuan dan kanak-kanak. Sementara itu, beberapa
orang kanak-kanak telah dibebaskan pada hari tersebut.

Kumpulan yang ramai ini telah tiba di Kem PPH sungai Petani lebih kurang jam 6 petang. Mereka disambut oleh pegawai pemerintah yang dikenali sebagai Syed Mokhtar. Mereka di jamu dengan teh. Bagaimanapun, perasaan terhina dan malu tetap terasa pada setiap mereka.

Kehadiran mereka dalam keadaan tidak terurus seperti pengemis ditepi jalan itu, rupanya sedang diperhatikan lebih dari 200 keluarga anggota PPH di situ. Mereka tak ubah seperti binatang buruan yang baru di bawa pulang ke kota. Sungguhpun demikian, dalam keadaan menundukkan wajah kerana malu itu, iman mereka ini masih utuh.

Pada mereka, biarlah mereka di hina dan rendah pada kacamata manusia, asalkan Allah tidak menghina mereka diakhirat kelak. Mereka mengharapkan agar, di akhirat nanti, akan bertemulah semula dengan manusia-manusia angkuh tersebut untuk menentukan siapa mereka di hadapan Allah yang maha esa itu.

Pahit Manis di Kem PPH Sungai Petani

Selepas nama dan keterangan diri diambil, mereka ditempatkan di beret bujang PPH. Di sana telah disediakan tilam yang dipinjam dari Sek. Men. Sains Sungai Petani. Mungkin sebagai satu usaha mereka meredakan tekanan perasaan yang dialami oleh pengikut Ustaz Ibrahim itu.

Seperti yang disebut oleh Pegawai Pemerintahnya, Tuan Syed Mokhtar bahawa dia tidak menganggap mereka itu sebagai tawanan, tetapi adalah sebagai tetamunya. Sebab itu, beliau memberikan layanan sebaiknya pada mereka itu. Di sini, beberapa ketika mereka dijamu dengan makanan mengikut menu untuk anggota

PH bujang.

Buat pertama kalinya sejak ditahan, pada malam itu dapatlah mereka menunaikan solat secara berjemaah. Setiap malam, bacaan Yaasin tidak dilupakan. Kawalan terdapat mereka tetap rapi, walaupun berada di dalam kawasan kem. Hampir seminggu, kawalan agak longgar seperti biasa.

Pada 22.11.85 bermulalah soal siasat ke atas mereka di kem itu. Pada mulanya, secara bergilir-gilir mereka disoal-siasat di dalam khemah yang disediakan hadapan beret bujang tersebut. Di sini, semua soal-siasat berjalan dengan baik dan agak bersopan.

Keesokkan harinya, soal-siasat tidak lagi dijalankan di situ. Tempatnya diubah kepada bilik di bangunan yang jauhnya antara tiga ratus meter dari berek bujang tersebut. Tiga tempat disediakan untuk soal-siasat berasingan itu. Tempat-tempat itu dinamakan oleh mereka ini sebagai Dewan, Rumah Gitar dan Rumah Pokok Ubi. Kadang-kadang, mereka diambil dan dihantar dengan van atau landrover.

Setiap orang dari mereka akan di soal-siasat di ketiga-tiga tempat tersebut. Biasanya soal-siasat itu akan berjalan di antara dua ke lapan jam mengikut kehendak pegawai bertugas. Waktu panggilan pula tidak menentu. Ada kalanya pada lapan malam ke pukul tiga pagi. Lazimnya siasatan ini berjalan sebelah siangnya.

Di sini, berbagai soalan yang di luar pengetahuan di tanya. Akibatnya, berlakulah berbagai deraan dan seksaan yang tidak terdaya untuk diceritakan. Perasaan takut, ngeri dan menyedihkan menimpa setiap mereka yang dijemput ke tempat soal siasat itu. Akan terbayanglah kaki atau tangan kasar SB serta api rokok dan lain-lain lagi alat penyeksaan mereka.

Salah seorang dari mereka umpamanya, dipanggil untuk soal siasat dari jam 8.30 malam, menjelang subuh, baru dia di bawa ke bilik beret bujang. Dia tidak dapat berkata kuat, dengan menggeleng kepala dia membisikkan. Bahawa dia teruk didera oleh SB yang bertugas. Beliau ditelanjangkan, dicukur bulu kemaluan dan disumbat ke dalam mulut. Selepas itu dipukul dengan paip getah pada tapak kakinya sehingga hancur getah paip itu.

Tidak cukup lagi, pihak SB menggunakan apa sahaja termasuk kerusi dan meja memukul seluruh badannya. Ketika itu, kedua tangannya digari. Sungguhpun begitu hebat pukulan yang dialami, dengan pertolongan Allah, kulit badanya tidak terjejas.

Bagaimanapun, setelah membisikkan kisahnya, sebaik sahaja selesai mandi, sahabat ini terus pengsan dan dibawa ke rumah sakit. Selama tiga hari, dia di rawat di sana. Kesannya, sampai sekarang sahabat itu masih mengalami sakit-sakit dalam badan. Inilah di antara yang menghantui setiap mereka yang dipanggil untuk soal-siasat.

Kadangkala, akibat terlalu gerun dengan apa yang berlaku, setiap kali SB datang menziarahi bilik, ramai antaranya membaringkan badan sambil muka disembamkan ke atas bantal. Mereka terpaksa berbuat demikian semata-mata tidak mahu di kenali atau enggan mendengar nama mereka dipanggil.

Seorang lagi sahabat, dipanggil buat kali kelima. Kali ini dia dituduh menahan OCPD Baling pada 20 Oktober 1985 semasa ceramah Ustaz Awang Bakar diadakan. Dia diminta berdiri bersama 10 sahabat untuk dicamkan oleh pemandu kereta OCPD itu. Dia dapat lihat, bagaimana lutut sahabat sebelahnya gementar kerana terlalu takut.

Sekiranya antara mereka itu dapat dicamkan, akibatnya akan berlakulah sebagaimana sahabat yang dihantar ke hospital tempoh ini. Sebelum inipun, telah dua sahabat yang dicamkan, menerima rawatan yang cukup menyeksakan. Setelah berdiri bersama sahabat ini, masuklah pemandu OCPD untuk membuat pengecaman.

Pemandu tersebut berjalan memerhati setiap orang yang berbaris itu. Debaran jantung sahabat yang dipanggil kali kelima itu agak kencang. Tetapi beliau menyerahkan segalanya pada Allah. Nasib mereka agak baik. Tidak seorang pun dari sepuluh orang mereka itu, yang dapat dicamkan oleh pemandu itu. Jadi, mereka bebas dari tuduhan yang dikenakan.

Sungguhpun begitu, nasib yang menimpa dua sahabat sebelum itu amat menakutkan sekali. Seorang dari mereka hampir gila dan seorang lagi tidak dapat bercakap dan makan beberapa hari, sebelum dibawa ke hospital.

Walaubagaimana hebat deraan dan siksaan yang menimpa mereka, tetapi kemesraan sesama mereka tetap terpelihara. Satu sama lain sentiasa bertanya khabar sebaik sahaja pulang dari soal-siasat. Tiada lain yang dapat diubahi kesan deraan yang mereka alami, kecuali nasihat menasihati sesama mereka sahaja. Itulah sahaja yang mampu dilakukan.

Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Yahya Yeop pernah juga melawat mereka di kem tersebut. Agaknya, dia berpuas hati dengan apa yang sedang berlaku dan dilakukan. Pegawai Pemerintah kem itu, Tuan Syed Mohktar juga sering bertanya khabar tentang mereka. Pernah beliau membenarkan mereka ini, solat berjemaah di suaru bersama anggota PPH di situ. Sikapnya ini tidak disenangi oleh SB. Oleh itu hanya sehari sahajalah yang sempat dilakukan oleh mereka.

Pagi 6.12.85, mereka diarahkan berpakaian agak kemas dan berbaris ke dewan. Wajah keriangannya mulai terukir pada setengah mereka, dengan harapan mereka akan dibebaskan. Sampai sahaja di dewan besar, kelihatan satu pentas yang siap dengan meja beralas kain putih. Keadaan ini, mengingatkan setengahnya ketika di Kem Tanjong Pari dulu.

Tidak lama kemudian, datanglah majisteret dan mereka diarah berlina-lina ke depan. Sampai sahaja di depan, dibacalah yang tempoh tahanan mereka dilanjutkan lagi sehingga 60 hari untuk meneruskan siasatan.

Semasa di dewan ini jugalah mereka dapat menatap semula wajah sahabat yang dipisahkan ke lain-lain balai tempoh hari. Selepas mendapat perintah tahanan itu, sahabat-sahabat itu terus di bawa pergi. Yang lainnya, pulang semula ke bilik penginapan.

Di bilik penginapan, mereka diarah bersedia untuk dipindahkan dalam beberapa kumpulan yang dipecahkan. Ada yang kumpulan 20 orang, 25 orang, 33 orang dan sebagainya. Mereka ini dihantar ke beberapa buah balai berasingan seperti balai di Kuala Nerang, Jitra, Alor Setar dan Kulim.

Boleh dikatakan setiap keluarga lelaki Ustaz Ibrahim termasuk bapa, iparnya, bapa saudaranya dihantar ke Balai Polis Kulim. Kumpulan mereka ini terdiri dari 33 orang semuanya.

(Perhatian : Kisah selepas ini, hanya akan ditumpukan keadaan mereka yang di tahan di Balai Polis Kulim dan untuk menghidupkan ceritanya, pengarang akan melibatkan diri 'AKU' sebagai watak utama. Harap maaf)

15 Hari Dalam Lock-up

Lebih kurang jam 12 tengahari 6.12.86, kami tiba di Balai Polis Kulim. Turun sahaja dari trak kami diarah masuk ke dalam balai dan semua barang kami diambil. Setiap barang yang diambil di catat dan disimpan ke dalam sampul yang telah kami tandatangani. Dalam peraturan yang ditetapkan, pesalah (banduan) tidak di benarkan memakai pakaian, kecuali seluar dalam sahaja. Memandangkan ada orang tua yang hanya memakai kain tanpa seluar dalam, maka kain sahaja dibenarkan tanpa baju. Kesempatan ini aku ambil dengan memakai kain.

Jejak sahaja kaki ke dalam lock-up, kami dapati 7 orang sahabat lama tenang menunggu kami. Mereka ini lebih dahulu dihantar ke lock-up ini beberapa hari selepas di tahan dulu. Selepas bersalam dengan mereka, beberapa minit kemudian kami diberikan nasi bungkus seorang satu.

Sambil mencangkung, aku memakannya. Malangnya tidak tertelan oleh tekak ku, kerana bau lauknya yang busuk dan nasi yang hampir basi.

"Hoi! Makan elok-elok sikit, duduklah bersila. Kata Islam sangat, tapi makan tak ikut Islam, duduk mencangkung," sergah polis bertugas pada aku.

Walalupun hatiku meradang, tetapi simpati juga dengan kejahilannya yang tidak tahu duduk mencangkung itu satu dari tiga sunnah ketika makan.

Ramai antara kami tidak tertelan nasi yang diberikan pada siang itu. Dari cerita sahabat lama kami yang lebih awal menghuni di lock-up itu, begitulah makanan yang mereka terima sejak mula

ditahan di situ. Mereka beritahu, sejadah yang digunakan ialah kain gebar untuk selimut. Itu pun hanya di waktu malam sahaja.

Dari cerita mereka itu, dapatlah aku bayangkan bahawa keadaan mereka di sini lebih teruk dari kami yang tinggal di Kem PPH Sungai Petani dulu. Bagaimanapun, sekarang kami terpaksa menerima nasib seperti mereka di dalam lock-up ini.

Lock-up ini terdiri dari dua blok yang di pisahkan oleh lorong untuk pengawal bertugas. Tiap satu blok, ada empat bilik. Jadi, dua blok bermakna ada dua bilik. Ukuran setiap bilik, lebih kurang 2.5 meter lebar dan 3 meter panjang. Antara bilik ini, di pasang pagar besi sebesar jari kelingking.

Sungguhpun beberapa orang dari kami berada di bilik yang berasingan, tapi dapat melihat antara satu sama lain. Tidak ubah seperti burung-burung di dalam sangkar sahaja nasib kami ketika itu. Maka, bermulalah pengalaman baru kami yang seumur hidup tidak dapat di lupakan. Hidup sebagai banduan yang tidak pernah bersalah.

Selesai makan, kami sembahyang berjemaah. Sebelum itu, permintaan kami untuk berjemaah di izinkan oleh OCPD balai itu. Dan itulah juga kali pertama bagi sahabat kami yang tujuh orang itu sembahyang berjemaah sejak di tahan. Memandangkan kami hanya dipisahkan oleh jaring-jaring besi, maka tidak menjadi halanganlah untuk kami berjemaah semuanya dengan satu imam untuk satu blok.

Sepanjang tinggal di sini, hanya beberapa orang sahaja dari kami yang dipanggil soal siasat. Itupun dalam minggu pertama dan kedua sahaja. Selepas itu, kami hanya menunggu berita dari polis, samada kami hendak dibebas atau ditahan di situ dengan masa yang

lebih panjang lagi.

Penantian berita seterusnya inilah yang amat menyiksakan. Bermacam-macam yang kami fikirkan. Adakah kami kan di bebaskan tanpa syarat, atau didakwa di mahkamah atas akta dharurat atau atas akta ISA. Sungguh mendebarkan.

Di minggu pertama, semua dari kami seramai 40 orang itu, mengamalkan puasa sunnat. Kami juga memohon surat Yaasin dan kain sejadah dari OCPD. Boleh kata setiap waktu, kami melaungkan azan solat atas kebenaran OCPD sendiri. Mungkin inilah sejarah ulung, di mana banduan berazan dan sembahyang berjemaah di sebuah lock-up. Kami juga diberi memakai baju dan kupiah.

Dari awal lagi, selama 14 hari aku tidak dapat makan nasi. Selera ku tertutup sama sekali dengan bau ikan yang busuk serta nasi basi yang diberikan. Sebagai gantinya, aku hanya memakan roti canai dengan iizin OCPD. Setiap kali waktu makan nasi, aku akan mendapat dua biji roti.

Beberapa kali aku dibawa ke Balai Polis Alor Setar, kerana di arah berada di dalam barisan kawad cam terhadap terhadap semua kerana dituduh menembak polis dalam peristiwa Memali itu. Di sini, kami berpeluang bertemu kembali sahabat yang ditahan di balai polis lain.

Dari cerita mereka, dapatlah aku bayangkan bahawa kumpulan kami yang ditahan di Kem PPH dulu dipecahkan ke beberapa buah balai di seluruh Kedah. Pada 26.12.85 lebih kurang pukul 11.45 pagi, lima orang dari kami yang berusia lebih dari 60 tahun, dipanggil keluar.

Rupanya, mereka adalah kumpulan pertama dari kami yang

dibebaskan. Hari yang sama juga kami mendapat maklumat, kanak-kanak dan perempuan dari lain-lain balai turut di bebas. Alhamdulillah kami memanjatkan syukur kepada Allah yang telah meringankan ujian ke atas mereka.

Jumlah kami yang empat puluh, tinggal kepada 35 orang. Satu dari bilik yang menempatkan kumpulan kami telah kosong. Bilik-bilik ini diganti pula dengan lain-lain pesalah dari berbagai kes. Kesempatan yang ada, kami cuba menyedarkan mereka itu tentang tanggungjawab pada agama.

Ada antara mereka yang menangis mendengar nasihat dari kami serta mendapat tahu sebab-sebab kami ditahan di situ. Selepas pembebasan kumpulan pertama dari kami, makanan yang sampai kepada kami agak baik dari biasa. Kami dimaklumkan bahawa pembekal makanan telah bertukar orang. Aku mulai menukar makanan dari roti kepada nasi seperti biasa.

Hidup kami di lock-up ini kadangkala terasa hebat juga, seperti raja lagaknya. Maklumlah, setiap kali hendak ke tandas, mengambil wuduk dan sebagainya selalu diiring oleh seorang petugas. Biasa juga kami meminta khidmat mencuci lock-up bagi menghilangkan rasa jemu. Di akhir pembebasan kami pula, kami diajar (yang mahu sahaja) bersenam. Aku ambil kesempatan ini bagi menyegarkan tubuh.

Berita tentang apa yang berlaku di luar, langsung kami tidak tahu. Apa yang berlaku dengan keluarga, penduduk Memali, harta benda yang berada di rumah Ustaz Ibrahim dan sebagainya.

Satu hari aku dipanggil ke pejabat. Dalam keadaan cemas kalau-kalau dihantar pula ke balai lain, terlintas juga pada aku mungkin hendak dibebaskan. Debaran hatiku agak kurang, apabila aku ternampak seorang JKKK yang juga Setiausaha UMNO

kampungku yang ada urusan penting denganku.

Rupanya dia datang adalah kerana urusan ingin meminta aku tandatangani surat penerimaan wang ketika aku bekerja dengannya dulu. Kami sempat bertanya khabar tentang diri masing-masing serta rakan-rakan yang lain.

Kira-kira pukul 9 pagi 20.1.86, suasana di luar lock-up agak gempar. Kelihatan pihak polis agak ramai dari hari-hari biasa biasa. Kemudian masuk seorang pegawai polis bertugas memanggil nama-nama tahanan. Aku salah seorang dari nama yang dipanggil itu. Waktu ini, hanya terbayang kebebasan untuk kami semua. Lebih-lebih lagi apabila kami di arah mengemaskan pakaian.

Sekali lagi suasana sedih menyelubungi ruang lock-up itu. Kami yang di arah mengemaskan pakaian, tidak tertahan untuk berpisah dengan 23 lagi sahabat lain. Sebelum keluar, kami sempat bersalaman dan berpelukan antara satu sama lain. Semua sahabat yang hendak kami tinggalkan itu, mengirimkan berbagai pesanan untuk keluarga mereka di kampung.

Tanpa disedari, air mata ku membasahi pipi. Terkenangkan pesanan seorang ayah kepada anak, suami pada isteri, menantu pada mertua dan sebagainya. Ketika ini juga, telah terbayang kepada ku kesegaran udara luar dan suasana kampungku yang telah digempur sebegitu hebat oleh pihak polis dulu. Sudah menjadi padang jarak, padang terkukurkah Memali yang kami cintai itu?

Kami seramai dua belas orang itu dibawa naik ke pejabat tingkat satu. Di ruang tamu telah siap teratur nasi lemak dan teh yang dihidangkan. Pegawai yang membawa kami ke atas memper-silakan makan. Setelah itu, seorang demi seorang dari kami di arahkan masuk ke sebuah bilik.

Apabila sampai giliranku, barulah aku sedar yang aku dan teman-teman tadi rupanya dilanjutkan tahanan selama dua tahun lagi di bawah Akta ISA. Butir-butir tuduhan dibacakan kepadaku satu persatu oleh pegawai bertugas. Kemudiannya, aku diminta tandatangani borang perintah tahanan sebagai bukti di beritahu dan menerima perintah tersebut.

Hampir kesemua kami yang menerima keadaan ini, dapat melihatkan satu ketenangan yang kami sendiri kagumi. Apakah di sini kami telah menerima anugerah dari ilahi. Sekarang fikiran kami ke arah keluarga dan kampung halaman, telah beralih kepada suasana apakah apakah pula yang akan kami hadapi di Kem Kemunting nanti.

Di Pusat Pemulihan Kem Kemunting

Pukul 11 pagi kami bertolak dari Kulim dengan menaiki sebuah trak kecil dan sebuah van. Aku diarah menaiki trak dan duduk selang-seli dengan anggota PPH. Tangan kami seramai 12 orang itu, digari. Lebih kurang jam 1 tengahari baru kami sampai di Kem Kemunting.

Keadaan kawasan kem ini sungguh hebat. Aku merasakan, peluang untuk melarikan diri langsung tidak ada. Untuk sampai di tempat kami ditahan, terpaksa melalui empat pintu yang berpen-gawal.

Sebelum dibawa ke tempat menginap, kami di bawa dahulu ke bilik pemeriksaan. Beberapa orang pegawai penjara periksa kami dengan rapi sekali. Seluruh anggota badan diteliti dan juga bag plastik yang kami bawa mengandungi kain baju. Memang terasa

geram juga di hati ku apabila hampir telanjang kami dibuatnya.

Selepas itu, kami di bawa ke pejabat untuk mengambil segala butir diri. Di sini juga kami di beri penerangan ringkas berkaitan peraturan di tempat tahanan tersebut. Setelah itu, kami di beri nombor tahanan yang bermula dari nombor 1560 hinggalah semua kami yang berjumlah 36 orang.

Angka ini termasuklah sahabat-sahabat kami yang telah tiba dari beberapa balai polis seluruh Kedah. Jumlah kami semua yang ditahan ialah seramai 36 orang. Selesai di pejabat ini, kami dibawa pula menemui Penolong Penguasa Kanan Kem Kemunting untuk di beri taklimat cara-cara menghuni di kem tersebut.

Waktu ini, kami telah mendapat berita tentang orang kanan Ustaz Ibrahim yang di gelar sebagai Ketua Mujahidin oleh polis, telah dua hari ditempatkan di situ. Bagaimanapun, dia diasingkan dengan teman-teman lain. Dia telah ditempatkan bersama beberapa orang aktivis PAS yang ditahan di kem itu. Mereka ialah Haji Suhaimi Said dan juga Ustaz Abu Bakar Chik.

Kami semuanya di bawa ke kawasan 13 yang kemudiannya diubah kepada Kawasan 6. Untuk masuk ke kawasan ini, kami terpaksa melalui pintu pagar berduri pada lapisan pertama dan dipagari pula dengan zink pada lapisan kedua. Terdapat dua bangunan di kawasan ini. Tiap satu lebihkurang 35 meter panjang dan 7 meter lebar.

Di dalamnya terdapat lima buah bilik yang setiap satu luasnya enam meter penjang dan empat meter lebar. Luas keseluruhan kawasan enam ini ialah antara 60 x 50 meter. Antara satu kawasan dengan kawasan lain, dipisahkan oleh kawasan lapang yang berpagar yang luasnya 20 x 30 meter.

Untuk berhubung antara penghuni satu kawasan dengan kawasan lain, tentu sekali sukar. Bagaimanapun, kami sejumlah 35 orang yang dilanjutkan tempuh tahanan di kem itu, di letakkan dalam satu kawasan, iaitu kawasan 6. Kecuali Yusuf Husin, dapatlah kami hidup bersama sebagai orang bujang.

Kawasan 6 yang ditempatkan kami itu, amat semak sekali. Dari penjelasan petugas penjara itu, kawasan 6 itu dulunya ditempatkan tahanan ISA yang terlibat dengan Demonstrasi Padi di Kedah pada 1975. Selepas itu, ditempatkan pula pengganas komunis wanita. Kawasan itu telah beberapa tahun kekosongan sehinggalah kami tiba.

Sebelum dapat duduk dengan selesa, kami terpaksa membantu beberapa orang tahanan lama untuk membersihkan tempat tinggal kami. Selesai membersihkan dan menyusun katil di dalam bilik, barulah kami diberi makan nasi seorang sebungkus. Setelah itu kami solat berjemaah.

Di dalam kem ini, setiap orang dari kami diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai pemulihan. Beliaulah nanti yang akan mengawasi tingkahlaku dan perkembangan diri kami untuk dilaporkan ke pihak KDN. Kami di beri kebebasan menemui pegawai kami pada waktu pejabat.

Di dalam km ini juga, kami diberi pilihan untuk memasak sendiri atau makan makanan yang disediakan oleh pihak kem. Kami lebih suka memilih untuk masak sendiri. Di sini juga kami dibenarkan untuk membuat aktiviti sukan dan bercucuk tanam. Pendek kata, hidup di kem ini, adalah jauh bezanya dengan hidup di lock-up.

Kami dapat berjemaah ataupun mengadiah kitab dari guru agama yang disediakan. Sungguhpun begitu, bagi diri aku, proses pemulihan di sini tidak lain hanyalah untuk melemahkan semangat juang yang ada pada diri kami. Cuma bergantunglah kepada sejauhmana sedamya kami muslihat yang dilakukan oleh mereka.

Dalam masa tahanan di kem ini juga, kami diizin untuk diziarahi keluarga, itupun hanya keluarga terdekat sahaja. Seorang pelawat boleh melawat seminggu sekali. Bermakna kalau ada keluarga ramai, maka bolehlah kami dilawati setiap hari. Bagaimana pun, keadaan kesempitan hidup keluarga, hanya dapat mengizinkan mereka melawat kami sebulan sekali sahaja.

Sepanjang empat bulan tinggal di kem ini, boleh dikatakan setiap malam Jumaat kami akan berjemaah membaca Yaasin, sembahyang hajat dan sebagainya. Tidak kurang pula sahabat kami yang sentiasa berpuasa sunat hari Isnin dan Khamis. Terdapat juga kalangan kami yang kuat iman mereka, berpuasa setiap hari selama empat bulan kami di tahan itu.

Dalam tempoh lawatan kami di kem ini, beberapa kalangan dan individu telah datang melawat kami. Antaranya termasuklah setiausaha sulit Perdana Menteri, Encik Noor Azam, Ketua Pengarah Penjara Malaysia, Pengarah Keselamatan Malaysia yang menyerang Memali, Datuk Yahya Yeop, Ahli Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa, Pusat Islam Malaysia, Pegawai Kementerian Dalam negeri, Ketua Polis Perak dan sebagainya.

Biasanya dalam siri lawatan mereka itu, akan diadakan ceramah khas kepada kami di samping dialog antara kami dengan mereka. Lawatan yang paling mengembirakan kami ialah dari peguam datang mengambil maklumat tentang kami atas tujuan membela nasib kami semua.

Melalui peguam ini, banyaklah hal-hal luar yang kami dapat tahu. Dan dia juga berjanji akan menemukan kami semua dengan lembaga yang terdiri dari hakim bebas. Mereka akan membuat cadangan pada KDN agar kami dibebaskan. Lembaga ini berjanji akan menemui kami setiap empat bulan sekali.

Pulang ke Memali

Menjelang bulan Ramadhan 1408, genap empat bulan kami di tahan di pusat pemulihan itu. Banyak sekali kami menerima kiriman barang keperluan dapur dan kuih muih dari seluruh negara. Kami bersama-sama menunaikan solat tarawih. Ketika ini, sebak juga di dada, rasa pilu terkenangkan suasana bulan Ramadhan dan hari raya di kampung. Wajah para keluarga dan sahabat handai terbayang-bayang di mata.

Ramai antara kami di bulan Ramadhan ini, terpaksa mengalirkan air mata. Kecekanan hati rupanya mudah terhiris di suasana yang begini. Dalam keadaan begitu, kami telah bercadang untuk mengadakan sambutan hari raya di kem itu sahaja. Tidak pernah untuk kami bayangkan dapat pulang berhari raya di kampung, melainkan di kawasan yang terlindung dengan zink itu sahaja.

Selasa 3 Jun 1986 bersamaan 25 ramadhan 1408 lebih kurang jam 3.30 petang, kami di datangi oleh beberapa orang tetamu. Penguasa Kanan Kem, Pegawai KDN, Pegawai Pemulihan, Pegawai SB, jurugambar dan saudara Yusuf Hussin adalah tetamu yang dimaksudkan itu. Kami agak kehairanan, kerana disamping mereka itu terdapat Yusuf Hussin.

Sebentar kemudian, Penguasa Kanan Kem Kemunting pada

masa itu, Tuan Yusuf Bakar telah memberi sedikit ucapan ringkas serta membaca surat arahan yang ditandatangani oleh PM Malaysia. Surat arahan itu telah melucutkan tempoh tahanan ke atas kami tanpa syarat.

Serentak dengan arahan itu, semua kami mengucapkan al-hamdulillah dan ada antaranya terus melakukan sujud syukur di situ juga. Kami di beri masa tidak lebih dari sepuluh minit untuk berkemas dan meninggalkan kem. Tanpa menghiraukan waktu yang diberi, kerana terlalu gembira yang amat sangat, antara kami berpelukkan dan menangis di samping berkemas.

Tuhan sahajalah yang tahu bagaimana perasaan kami waktu itu. Sungguhpun kami tak fikirkan dapat berhariraya bersama keluarga, tetapi sekarang jelas pertolongan Allah tetap menyebelahi kami. Dia memahami apa yang kami mahukan waktu itu.

Selesai sahaja urusan kami dengan pejabat, mengambil barang, dokumen serta wang gaji yang ada, kami diarah menaiki sebuah bas khas yang disediakan untuk membawa kami pulang ke Kampong Memali. Bersama kami ialah Pegawai SB. Kami mendapat tahu, bersama kami bahawa pembebasan kami telah diumumkan melalui tv jam 6 petang.

Lebih kurang jam 9 malam, kami tiba di kampong Memali. Ketibaan kami di kampong yang tercinta dan paling bersejarah itu, disambut dengan laungan takbir. Sekali lagi drama yang penuh hiba menyelubungi diri kami serta kawan-kawan di kampong.

Maklumlah, sudah sekian lama kami berpisah dan perpisahan itu pula bukannya perpisahan biasa. Penuh kisah sedih dan pilu yang menyayatkan. Esoknya, kami tidak putus-putus menerima kunjungan sahabat handai dan tetamu. Semuanya ingin tahu tentang kami dan begitu juga dengan kami yang terlalu ingin tahu tentang

mereka dan jemaah seluruhnya.

Dengan keputusannya kami seramai 36 orang itu, maka tamatlah kisah penahanan penduduk kampung Memali atas perjuangan mereka untuk menyatakan hak. Tidak dapat dibayangkan bagaimana gembiranya kami kerana berjaya mempertahankan diri dari ujian yang sebegitu besar. Akidah kami tidak tercemar apabila kami berjaya mempertahankan lafaz kalimah 'lailahailallah, muhammadarasulullah' dan bukannya 'lailaha illallah, Ibrahim rasulullah' seperti yang diarahkan oleh pihak yang zalim itu.

Kegembiraan kami semakin bertambah pada hari raya aidilfitri ketiga, apabila keputusannya kami disambut dengan begitu hebat sekali. Puluhan ribu manusia membanjiri Kampung Memali yang dulunya dipenuhi dengan lembu-lembu sahaja. Program sambutan untuk meraikan kebebasan kami yang dianjurkan oleh PAS Negeri Kedah pada hari itu, adalah antara hari bersejarah yang sukar untuk kami lupakan.

Nasib Tahanan Kanak-kanak

Dalam peristiwa Memali ini, penulis juga menebubual beberapa orang kanak-kanak yang ditahan ketika berusia antara 13 ke 17 tahun. Mereka turut menceritakan bagaimana penyeksaan yang dilakukan oleh pihak SB ketika mengadakan siasatan di Kem PPH Sungai Petani.

Salah seorang kanak-kanak yang ditahan menceritakan bagaimana ketika di Kem PPH Sungai Petani, dia diseksa dengan agak teruk. Penampar dan juga cucuhan api rokok sudah menjadi permainan SB. Katanya, pihak SB memaksa mereka untuk mengubah ucapan syahadah dengan menukarkan 'Muhammad Rasul-ullah' kepada 'Ibrahim rasulullah'.

Apabila mereka enggan, penampar dan api rokok akan menjadi bahan deraan. Mengikutnya lagi, pernah di satu ketika dia dipaksa menjelaskan dari mana datangnya senjata dan orang-orang kanan Ustaz Ibrahim. Dia juga dipaksa menyebutkan siapakah orang yang telah menahan polis pada malam 20 Oktober 1985, iaitu di malam ceramah Ustaz Ibrahim dan Ustaz Awang Bakar dari Terengganu.

Menurut kanak-kanak itu lagi, semua soalan yang dikemukakan oleh pihak SB, terpaksa dijawab tidak tahu, kerana dia memangnya tidak tahu menahu tentang perkembangan yang berlaku di Memali. Apa yang dia ingat, ceritanya lagi, waktu itu dia baru berjinak-jinak dengan sembahyang. Itupun, katanya sekadar ikut-ikut kawan di madrasah Ustaz Ibrahim sahaja.

Pada pagi kejadian itu, ceritanya lagi, dia hanya melihat kenderaan polis begitu banyak. Tanpa bersarapan pada pagi itu, dia berjalan menuju ke rumah Ustaz Ibrahim untuk mengetahui apa yang sedang berlaku. Setiba sahaja di rumah Ustaz Ibrahim katanya, dia dapati ramai orang-orang kampung Memali lelaki, perempuan dan kanak-kanak berhimpun di situ.

Tanpa mengetahui apa sebenarnya berlaku, dia pun turut bertakbir dengan orang-orang kampung di situ. Tidak lama kemudian, menurutnya lagi pihak polis melepaskan beberapa kali tembakan. Dia hanya menyelamatkan diri dengan meniarap dan sempat pula memeluk salah seorang kanak-kanak yang berdiri berhampirannya.

Apabila disedari, terdengar arahan 'serah diri'. Apabila dia mendongak ke atas didapati seorang anggota polis sedang mengacukan senjata M16 padanya. Waktu itu, dia hanya tersenyum pada anggota polis tersebut, sebaliknya anggota polis itu menjadi

berang dan memukulnya.

Ketika diarah menaiki trak, dia serta tawanan lain dipukul dengan bontot senapang dan diterajang. Salah seorang dari temannya yang agak dewasa sedikit, cuba menghalang anggota polis yang sedang menyeksanya. Malangnya, anggota polis yang ramai telah membelasah temannya itu dengan agak teruk yang kemudian dihumbankan ke dalam trak.

Ceritanya lagi, pernah ketika dalam siasatan di PPH, dia telah di hentak beberapa kali dengan bontot senapang oleh SB. Hinggakan dia jatuh pengsan. Apabila tersedar, dia dapati dirinya sedang berada di dalam satu tempat dan dikelilingi oleh beberapa orang yang tidak dikenali. Mereka ini yang terdiri dari bangsa India, mempunyai tingkah laku yang anih serta menakutkan.

Antaranya menari, menyanyi, ketawa serta ada yang menangis atau menjerit tidak tentu arah. Barulah dia sedar bahawa dia sekarang ini berada di dalam kandang orang sakit jiwa. Menyedari tentang itu, timbul rasa takut dan sedih yang amat sangat sehingga ia menangis dan minta dihantar pulang. Setelah tenang, dia minta pada jururawat bertugas untuk solat. Dari mereka ini, barulah dia tahu yang dia dihantar ke Wad Orang Gila Hospital Daerah Sungai Petani.

Kesemua kanak-kanak yang berjumlah seramai 17 orang ini, telah di tahan di dalam Lock-up Balai Polis Jitra. Menurut mereka, mereka ini solat di dalam lock-up ini secara sendiri, tanpa jemaah disebabkan tak seorang pun dari mereka yang tahu menjadi imam. Kanak-kanak yang berusia antara 13 ke 17 tahun ini, seperti yang dikatakan oleh mereka, masih baru berjinak-jinak dengan agama.

Di samping pelajar-pelajar Madrasah Islahiah Diniyah, terdapat juga beberapa orang pelajar dari Sek. Men. Siong yang

ditahan dalam operasi Memali itu. Ada juga antara mereka itu yang ditahan bersama ibu dan bapa, adik, abang dan kakak. Mereka juga menyaksikan dengan sedih bagaimana sebahagian dari keluarga yang diseksa di depan mata atau mereka sendiri yang diseksa di depan mata ahli keluarga.

Nasib Tahanan Muslimat

Nasib yang menimpa kaum muslimat dalam peristiwa Memali ini, samada semasa di tahan di Kem PPH Sungai Petani atau di Penjara Alor Setar, tidaklah dapat diceritakan dengan penuh terperinci. Tidak seorang pun dari mereka yang menceritakan kisah sebenar yang berlaku pada diri mereka.

Walau apapun yang berlaku pada mereka, kita yakin bahawa Allah yang maha perkasa dan maha adil sentiasa menyelamatkan mereka. Sungguh pun ada sumber yang mengatakan mereka ini turut disoal siasat oleh SB lelaki. Kesemua mereka berjumlah 27 orang ini telah dipenjarakan di Penjara Alor Setar, selepas dari tahanan di Kem PPH Sungai Petani.

Apa yang menyedihkan kepada sebahagian dari mereka ini, adalah apabila suami mereka dibunuh dengan kejam, mereka ditahan sebagai tahanan, mereka ini tidak diberi tahu tentang kematian suami mereka, apatah lagi untuk memberi peluang melihat buat kali terakhir suami yang tercinta itu.

Demikian juga di antara muslimat ini, terdapat antaranya yang terpaksa terpisah dengan anak-anak yang masih menyusu dan salah seorang dari mereka, ditahan bersama dengan anak yang masih menyusu. Demikian kekejaman yang tidak mengenal batasan pada siapa sahaja, asalkan pelakunya puas.



Kedadaan Encik Ahmad Ayob ketika dirawat di Hospital Besar Alor Setar, hasil kecederaan yang dialami



Encik Idris Hj Husin (kanan) yang masih hilang ingatan, hasil kekejaman Memali. Haji Husin (kiri) sedih menceritakan nasib yang menimpa anak-anaknya



Di antara tenaga-tenaga pengajar lelaki Madrasah Islahiah Diniah



Inilah bangunan Madrasah Islahiah Diniah yang memerlukan sumbangan anda untuk diperbesarkan

IV

KESAN PERISTIWA KEPADA

POLITIK

PAS/UMNO/BN

Imbasan Selepas Sejarah Memali

Semua sedia maklum, matlamat sebenar disebalik tindakan Memali itu, hanya untuk melemah dan membendung perkembangan Islam di negara ini. Kesedaran yang diberikan oleh As-Syahid Ustaz Ibrahim kepada masyarakat Islam ini, memang disedari oleh pihak tertentu yang kedudukan pemerintah lebih cepat tergugat.

Akidah yang ditanamkan pada ahlinya, akan membawa satu kesan keimanan yang tinggi terhadap agama dan perjuangannya. Semua ini terbukti dengan kekukuhan ahlinya yang sanggup berdepan dengan ribuan anggota polis yang lengkap bersenjata api, sedangkan mereka hanya bersenjatakan buluh, parang, kapak dan lastik sahaja. Cuba bayangkan bagaimana akibatnya kepada pemerintah sekiranya pengaruh As-Syahid dibiarkan berkembang ke seluruh negara. Ketika itu, Kerajaan BN ini tentu terancam sedangkan tindakan mereka seperti di Memali waktu itu tidak boleh dilakukan.

Bertambah parah lagi apabila kesedaran keimanan itu mula meresap kepada anggota polis dan keselamatan yang mempunyai kemahiran dan bersenjata lengkap. Kemungkinan besar, peristiwa Revolusi Iran mengulingkan kerajaan Shah akan berulang di sini.

Mahu tidak mahu, sebelum pengaruh As-Syahid berkembang dan kuasa pemerintah masih ada, maka tindakan seperti di Memali itu di lakukan. Pemerintah tidak bimbang pada kebangkitan rakyat, kerana mereka sedar sejauh mana sikap rakyat yang ada. Tukang-tukang mengampu melalui mas media telah disediakan untuk menghalalkan tindakan kerajaan itu.

Fikiran beku yang ada pada rakyat negara ini dengan mudah sahaja akan dapat dibentuk oleh pemerintah. Cakap dan siarkan apa

sahaja, pasti dengan mudah rakyat menerimanya tanpa menghitung lagi samada itu fitnah atau tidak, asalkan perkara itu datangnya dari mulut kerajaan.

Niat kerajaan BN untuk menghapuskan pengaruh As-Syahid memang jelas terbukti, berdasarkan beberapa kenyataan dari TPM ketika itu, Musa Hitam dan juga kenyataan Setiausaha Agung UMNO ketika itu, Sanusi Junid. Musa Hitam dalam kenyataannya menyebut para syuhada itu sebagai penjenayah. Dia mengatakan, "penjenayah yang perlu dibendung pengaruh mereka".

Sementara Sanusi Junid dalam kenyataannya pula mengatakan bahawa, "Jika proses ini tidak dihentikan dengan segera, maka perpecahan dikalangan umat Melayu akan hancurkan perpaduan."

Demikianlah kenyataan-kenyataan sombong mereka selepas peristiwa itu, tanpa melihatkan kekesalan atas perbuatan terkutuk mereka. Apatah lagi untuk melahirkan simpati mereka pada mangsa serta keluarga penduduk Memali.

Kita juga melihat dalam peristiwa Memali ini, bagaimana satu kuasa yang menjanjikan amalan demokrasi dengan penuh bongkak bertindak secara yang tidak pernah disaksi atau didengar sebelum ini. Walaupun kita pernah mendengar kekejaman tentera Jepun semasa menjajah datuk nenek kita ataupun kekejaman pihak komunis (Bintang Tiga) satu masa dulu.

Dalam kekejaman kedua-dua kuasa itu, tidak pernah ada yang didengar mereka itu bertindak kejam kepada seluruh anggota keluarga bersebab dengan seorang ahli keluarga. Mereka tidak menghukum anak isteri sekiranya yang dikehendaki itu si ayah.

Kalau pun mereka melakukan kekejaman, adalah tidak keterlaluan kerana mereka bukan orang-orang yang mengaku beriman atau memangnya perjuangan Bintang Tiga itu terpaksa dilakukan begitu. Perjuangan mereka tidak bertamadun.

Bagaimana pula dengan sikap pemerintahan BN yang menjanjikan keamanan, keadilan, Demokrasi Berparlimen serta UMNO yang pernah mengakui pertubuhan Islam ketiga besar di dunia, tiba-tiba bertindak buas lebih dari tentera Jepun atau Bintang Tiga kepada rakyat yang lemah?

Bukan sahaja membunuh 14 orang serta mencedera parahkan ramai yang lain, sebaliknya menangkap dan menyeksa ahli keluarga mereka, termasuk anak di dalam buaian. Setelah itu mereka ini ditahan dan diseksa dihadapan ahli keluarga hinggakan beberapa orang dari mereka hilang akal, lumpuh dan akhirnya meninggal dunia akibat penyeksaan itu.

Setelah begitu sekali dahsyatnya tindakan, diminta pula kaum keluarga, sahabat handai dan sesiapa yang ada hubungan dengan mereka ini, termasuk PAS supaya besabar, tenang dan jangan mengambil kesempatan politik dari peristiwa itu. Justeru itu, apakah yang harus diucapkan kepada petualang-petualang gila kuasa yang bertopengkan keadilan dan perpaduan itu?

Sebaik sahaja peristiwa berdarah itu tersebar kepengetahuan ramai, keadaan semakin gawat. Hasrat pemerintah BN untuk melemahkan pengaruh dan perjuangan Islam, ternyata salah duga. Saat itu juga berduyun-duyun khasnya pencinta Islam membanjiri bumi Memali. Keadaan gawat ini menyebabkan pihak berkuasa terpaksa mengadakan perintah berkurung.

Namun begitu, pengunjung tetap berdegil untuk hadir melihat

sendiri medan jihad dan makam para syuhada. Semangat dan keazaman mereka semakin tinggi untuk menjejaki perjuangan syuhada Memali. Ada juga yang sebelum ini tidak pernah menyedari tentang perjuangan PAS, mulai tersentak. Mereka baru sedar dan keinginan untuk mendekati perjuangan PAS mula tersemai. Akhirnya ramai dari mereka ini telah tumbuh segar di bawah perjuangan yang suci.

Simpati dan kecintaan pada Islam yang wujud hasil peristiwa Memali itu, dapat dilihat dengan tersergam indah sebuah masjid yang tidak jauh dari Makam Syuhada. Masjid Parit Panjang yang ada hari ini, boleh dikatakan terbina dengan sebahagian besar sumbangan dari para pengunjug ke Makam Syuhada.

Nama As-Syahid Ustaz Ibrahim Libya yang ingin dipadamkan oleh UMNO Baling serta suku sakat mereka, ternyata tidak berjaya. Jasa dan kesedaran akidah yang di semainya semakin subur. Madrasahnyanya yang diharapkan tamat bersama perginya As-Syahid, hari ini semakin maju dari masa ke masa. Saban hari pelajar-pelajarnya mendendangkan irama indah mengingatkan perjuangan yang dilalui oleh pengasas madrasah tersebut.

Memali Bersejarah

Bumi Memali mengukir sejarah
Bergelimpangan jasad rebah kaku
Rayuan anak isteri tidak diendah
Peluru menyahut menghirup darah
Mengadap pejuang dijalan Allah
Penembak rakus puas dan megah

Ledakan senjata dihentikan

seluruh harta disapu bersih
Anak-anak ditangkap, ibu dibelenggu
Disiksa kejam bertalu-talu
Pedihan azab bertambah sayu
Di dalam kurungan menahan pilu

Daya juangmu tetap digembur
Penyuluh perjuangan sebagai obor
Mendidik keturunan yang belum hancur
Memahat jihad di jiwa luhur
Sehingga syahid jasad tersungkur

Muslimin muslimat jemaah Islam
Hidupkan jihad jangan di padam
Tegakkan kebenaran di muka alam
Nyalakan perjuangan siang dan malam
Biar ditangkap, digantung direjam
Sebagai syuhada itulah azam

Sejarah mulia syuhada Memali juga telah melihatkan kepada masyarakat bagaimana kewibawaan pimpinan PAS membendung kemarahan ahlinya yang berjumlah ratusan ribu orang itu terhadap kekejaman tersebut. Sejarah itu juga melihatkan bagaimana ketegasan dan perpaduan pimpinan PAS dalam mempertahankan prinsip mereka.

Keberanian para pemimpin PAS memfatwakan guguran Memali itu sebagai 'SYAHID' adalah menakjubkan. Sedangkan seluruh Majlis Fatwa pusat dan negeri mengatakan mereka tidak syahid kerana dianggap sebagai 'bughoh' (derhaka pada pemerintah). Hinggakan dua orang tokoh ulamak PAS Kedah yang berada di dalam Majlis Fatwa Negeri Kedah sanggup dipecat dari majlis itu, semata-mata untuk mempertahankan fatwa yang dibuat oleh

PAS.

Sikap yang diamabil oleh Tuan Guru Haji Yahya Junaid dan Ustaz Azahari Razak tanpa menghiraukan kepentingan mereka berada dalam majlis itu, membuatkan ahli dan pendokong PAS berdiri dan duduk sama rata dengan pimpinan mereka. Walaupun ketika itu fitnah serta ugutan yang disebarikan melalui 'Akhbar Hantu Kerajaan' sangat hebat.

Fitnah yang disebarikan lebih setahun di dada-dada akhbar sengaja dijadikan isu panas oleh musuh. Bagaimana pun ahli PAS tidak seorang pun yang lari meninggalkan jemaahnya kerana tidak puas hati dengan pendirian pimpinan. Seinggalah fitnah itu akhirnya lenyap setelah Allah membuka hati Tuanku Sultan Kedah untuk menziarahi dan menyumbangkan batu nesan di Makam Syuhada sebagai ganti makam yang menimbulkan kontroversi waktu itu.

Sejak itu, tertutuplah mulut-mulut biadap terhadap para syuhada. Itulah satu kemenangan yang tidak pernah difikirkan oleh PAS. Di saat berbagai pihak mencipta dan melontarkan fitnah dan niat jahat terhadap para syuhada, di saat itu jugalah beriringan kebenaran bersama curahan air mawar oleh Tuanku Sultan Kedah.

Kebenaran dari pihak yang dizalimi mulai terserlah. Mereka yang terlibat dalam kekejaman itu, mulai menerima balasannya. Sementara yang lain pula sedang menunggu keputusan dari Allah yang maha kuasa. Musa Hitam dan Radzi Sheikh Ahmad sebagai orang kuat Kementerian Dalam Negeri waktu itu, sedang dilanda delima.

UMNO yang sombong dan angkuh dengan kekuasaan mereka, terpaksa tertiarap di bumi sendiri. Tangan-tangan yang menga-

raahkan pembunuhan di Memali, akhirnya tangan-tangan itulah juga yang telah membunuh UMNO. Hinggakan terpecah dua pengikutnya, dengan tanpa diduga satu darinya memilih PAS sebagai teman akrab. Itulah hukuman yang diterima oleh UMNO Malaysia, hasil mendengar fitnah UMNO Baling yang membawa kepada pembunuhan di Memali.

Tidak siapa duga dan percaya dengan apa yang pernah dikatakan oleh saudara Mohamad Sabu berhubung dengan peristiwa ini. Sering beliau menyebut dalam ceramahnya sebaik sahaja dibebaskan dari tahanan ISA pada 1986 yang lalu. Beliau menyebutkan bahawa, "UMNO dan BN akan tumbang dengan peristiwa Memali kerana telah melanggar tatasusila bangsa dan agama."

Sekarang terbukti dengan pandangan beliau itu, UMNO diharamkan dan yang terbaru kerajaan BN di Kelantan tewas KO kepada Angkatan. Inilah antara hasil doa dari mereka yang dizalimi tanpa mengira jantina dan usia. Sama-samalah kita lihat apakah nasib yang akan diterima oleh orang-orang yang terlibat dengan kezaliman tersebut. Tunggulah nasib UMNO seterusnya, berapa banyak lagi bangunan mereka akan dilelong dan pimpinannya akan muflis.

Justeru itu, sementara mulut, tangan dan seluruh anggota masih boleh bergerak, adalah lebih baik tukang-tukang pencipta fitnah, penyebar fitnah, penerima fitnah, tukang fatwa dan penerimanya termasuk tangan dan jari yang melakukan serta menyokong tindakan zalim itu supaya segera bertaubat nasuha. Perlu diingat bahawa 'Jerat tidak pernah lupakan pelandok'. Tidak terjerat di dunia, tunggulah di akhirat.

Menangani Peristiwa Memali

Ketika menziarahi Makam Syuhada di Parit Panjang, Baling bersama ribuan pengunjung, penulis dapat saksikan pada dinding makam tersebut, tulisan yang berbunyi, 'KAMI JUGA AKAN MENJEJAKI LANGKAH-LANGKAH JIHAD DAN SYAHID ANDA SEMUA SERTA MENGECAPI NIKMAT YANG DIJANJIKAN OLEH ALLAH UNTUK SYUHADA, INSYA-ALLAH' Tulisan tersebut membayangkan bagaimana sikap yang ada pada para pencinta perjuangan Islam yang ditinggalkan oleh para syuhada Memali. Masih ramai yang dahagakan tumpahan darah jihad demi menegakkan kesucian agama yang tercemar di negara ini. Jiwa dan raga sanggup dijual pada perjuangan yang dijanjikan oleh Allah untuk membelinya dengan bayaran syurga.

Seharusnya itulah sikap yang perlu ada pada setiap mujahid yang ingin bersama di saf syuhada dan para ambiya nanti. Perjuangan yang dilalui oleh mereka, bukanlah satu perjuangan mudah. Ianya memerlukan keimanan dan keikhlasan yang amat tinggi. Meninggalkan anak isteri, harta benda dan keindahan dunia yang fana ini.

Seperti yang dikatakan, sebagai umat yang terikat di talian satu syahadah, siapapun tidak akan terlepas dari tanggungjawab bersama. Bukan sekadar meneruskan perjuangan suci mereka itu, malah segala masalah hidup keluarga yang ditinggalkan, adalah masalah bersama. Adalah tidak adil kita tidur dalam keadaan kenyang, sedangkan keluarga syuhada tidur dalam keadaan sebaliknya.

Juga tidak adil kepada individu yang sering meletakkan masalah mereka kepada jemaah atau kumpulan tertentu, sedangkan dirinya tidak langsung bersama dengan mereka. Adalah perlu

sedari bahawa kekuatan mana-mana jemaah atau pertubuhan, bergantung kepada sokongan orang bawahan. Oleh itu, dalam menanggapi masalah keluarga syuhada ini, seharusnya tidak diperkaikan pada orang lain, melainkan diri masing-masing.

Ada juga kalangan tertentu yang sekadar mengambil inisiatif untuk mengetahui peristiwa Memali secara lebih dekat, tetapi mampalah untuk membolehkan dirinya dipuji melalui segulung jajah. Selepas itu, Memali dan keluarga syuhada ditinggalkan dalam keperitan. Mereka bergaya dengan kemewahan yang mungkin sedikit darinya adalah hasil dari tinjauan ke Memali. Adilkah mereka ini?

Pengorbanan kita tidak diminta dalam bentuk titisan darah atau keringat, cukup sekadar sekeping wang siling atau sehelai wang kertas biru. Bukan sekadar untuk keluarga syuhada sahaja, malah segala pembangunan madrasah yang diasaskan oleh As-Syahid juga perlu di sokong. Semoga cita-cita As-Syahid untuk menjadikan madrasah itu seperti di Deoband, India akan terlaksana.

Sejambak Harapan Sesegar Perjuangan

Berdasarkan pada janji Allah akan kelebihan para syuhada, sudah tentu roh para syuhada ini sekarang sedang aman di bersama burung hijau di taman syurga. Mendapat nikmat rezki syurga dari Allah. Diharumi dengan bauan syurga tidak dapat dibayangkan lagi. Maka berbahialah mereka.

Keuntungan hasil dagangan mereka kepada Allah, akan dapat juga dikecapai oleh ahli keluarganya. Beruntunglah isteri, anak-anak, ibu dan bapa yang kekasih mereka itu, adalah juga kekasih Allah. Sebagai kekasih Allah, sudah pasti apa yang dipohon nanti,

akan mudah di peroleh.

Sewajarliah kepada keluarga syuhada ini menghormati perjuangan suami dan ayah mereka. Sebaiknya, segala harapan syuhada sewaktu di dunia dulu dilaksanakan sebaik mungkin. Paling penting, sebagai keluarga mujahid, anak-anak haruslah di didik untuk mengikuti jejak langkah perjuangan ayahnya.

Isteri para syuhada diharapkan dapat menjauhkan diri dari sebarang fitnah. Cuba mengelakkan dari melakukan perbuatan yang tidak digemari oleh oleh As-Syahid sewaktu hidupnya. Itulah tanda-tanda kasih yang dapat di buktikan, selagi tidak menjadi milik sesiapa. Yakinlah bahawa permaisuri kepada bidadari yang sedang mengelilingi para syuhada Memali di akhirat nanti, adalah para isteri yang ada di dunia ini. Bagaimanapun, ketaatan kepada Allah adalah penting.



*Ustaz Fadzil Mohd Noor ketika berucap di
Majlis Hari Memperingati Syuhada*



Ribuan umat Islam membanjiri bumi Memali di majlis tersebut



Saudara Mahfuz menyemarakkan lagi majlis dengan mengepalai ikrar wehdah



Ayah As-Syahid Ustaz Ibrahim, Haji Mahmud sibuk melayan tetamu di Majlis Hari Memperingati Syuhada



Keluarga syuhada diraikan di majlis tersebut



Model kereta perisai yang merempuh pagar rumah As-Syahid Ustaz Ibrahim Mahmud hasil ciptaan penduduk kampung, sempena sambutan Hari Syuhada 1990



Hasil gambaran Peristiwa Memali ciptaan anak watan diukirkan dengan penuh simbolik



Antara pengunjung yang tak pernah putus menziarahi balu syuhada (gambar kenangan di hadapan rumah As-Syahid Ustaz Ibrahim Mahmud)

UCAPAN YANG DIPERTUA PAS PUSAT DAN NAIB YANG
DIPERTUA PAS PUSAT SEMPENA MAJLIS SUMBANGAN
AIDIL FITRI KEPADA KELUARGA SHUHADA MEMALI
ANJURAN HAKAH PADA 12 APRIL, 1991.

Assalamualaikum wr. wb.

Peristiwa yang sedang berlaku sangat menyedihkan, kerana tindakan kerajaan BN melancarkan satu serangan dan pembunuhan, seperti mana yang kita tahu, 14 saudara kita gugur sebagai syuhada.

Mereka telah meninggalkan isteri dan anak-anak yatim. Terdapat juga di kalangan saudara-saudara kita yang tidak terkorban didalam peristiwa itu, telah mengalami kecederaan dan ada pula yang telah meninggal dunia selepas beberapa lama akibat dari tindakan zalim kerajaan BN.

Saya percaya orang-orang yang terlibat melakukan kezaliman membuat fitnah, sehingga terkorbannya saudara-saudara kita menyebabkan kesusahan dan penderitaan, lebih-lebih lagi bila seorang isteri kehilangan suami dan anak yang dikasihi. Walaupun dia ada harta dan wang ringgit tetapi perasaan yang ditanggung adalah satu macam penderitaan.

Lebih-lebih lagilah anak-anak yatim, ada yang tidak dapat memanggil ayah mereka di pagi-pagi raya. Ketika ayah mereka

meninggal, mereka tidak sempat melihatnya.

Kita percaya bahawa Allah SWT akan memberi pertolongan kepada orang-orang yang dianiaya, dan orang-orang yang dizalimi apabila orang-orang ini berdoa. Orang-orang yang zalim tidak akan terlepas daripada hukuman yang akan mereka terima daripada Allah SWT.

Rasulullah SAW pernah bersabda, "Saya dan penjaga anak-anak yatim, ibarat seperti dua jari". Menunjukkan betapa dekatnya orang yang berikan penjagaan dan pertolongan kepada anak yatim dengan Rasulullah SAW, serta mendapat kedudukan yang tinggi di akhirat nanti.

Oleh kerana itu, PAS sebagai sebuah gerakan Islam, bertanggungjawab kepada anak-anak yatim. Apatah lagi anak-anak yatim yang diakibatkan oleh kezaliman pemerintah. Sudah tentulah kita tidak dapat memberi sokongan dan bantuan sepenuhnya kepada anak-anak yatim. Keupayaan kita adalah terhad. Sebab itu kita memilih kumpulan-kumpulan tertentu kepada anak-anak yatim.

Di antaranya ialah anak-anak yatim kepada mereka yang gugur syahid dalam peristiwa Memali. Ada juga kumpulan-kumpulan tertentu dan individu-individu yang telah memberi sumbangan. Baru-baru ini, kita dengar balu Almarhum Tunku Abdul Rahman juga turut memberi sumbangan.

Saya harap, ibu-ibu dan adik-adik kita yang kehilangan suami dan ayah mereka akan mendapat perhatian dari semua. Saya percaya anak-anak yatim ini setelah mendapat pendidikan mereka akan besar dan mewarisi bukan harta benda, tapi perjuangan bagi menegakkan Islam. Mewarisi perjuangan bagi menegakkan akidah yang telah ditetapkan asas di sekolah ini oleh As-Syahid Ustaz.

brahim bin Mahmud.

*Ucapan Ustaz Fadzil Mohd Noor
Yang Dipertua PAS Pusat.*

Assalamualaikum wr. wb.

Peristiwa Memali merupakan kenangan gemilang bagi pejuang-pejuang Islam dan mungkin kenangan ancaman bagi penentang-penentang Islam.

Bagi kita, pendokong-pendokong Islam, sesungguhnya mujahid Islam di Memali telah tampil kemuka perjuangan menyiram pokok perjuangan kita dengan darah-darah suci, asyhadah daripada Memali.

Hasil daripada siraman suci ini, diberkati Allah SWT bahawa perjuangan kita akan terus menerus marak subur. Menerima sanjungan dan penilaian yang begitu tinggi daripada pimpinan dan kita semua. Sebab itu, syuhada kita sentiasa didalam kenangan mulia dan kenangan baik secara padu oleh pimpinan dan pendokong.

Kita yakin keredaan Allah SWT senantiasa menyertai mereka. Keyakinan ini adalah didasarkan kepada satu ungkapan atau ketegasan dari Allah SWT dalam firmannya yang bermaksud,

“Jangan ada di antara kamu yang menyangka bahawa, orang yang mati di jalan Allah itu, hakikatnya mati, sebenarnya mati. Mereka sebenarnya hidup dan sentiasa mendapat curahan keredhaan daripada Allah.”

Itu lah dia rahmat yang sentiasa dicurahkan oleh Allah SWT

kepada As-Syuhada. Kenangan yang kedua adalah apabila disebut sahaja peristiwa Memali, disebut sahaja syahid-syahid Memali, yang jelas sekali memperlihatkan kepada kita bahawa bagaimana UMNO itu zalim, yang mesti ditentang habis-habisan.

Kezaliman UMNO itu, bukan sahaja menindas rakyat dari segi ekonomi dan sumber hidup, bukan sahaja menindas rakyat rakyat yang tiada hubungan darah dengannya, malah sanggup membunuh dan mencurahkan darah keturunannya sendiri. Yang tidak mempunyai apa-apa kesalahan, tidak mempunyai apa-apa kesilapan, selain daripada mendaulatkan kalimah Allah.

Ini dia UMNO dan orang-orang UMNO, kerana itu kita akan terus menentang mereka. Bukan kita menentang mereka di atas namanya UMNO atau atas Ahmad dan Kamarudin di dalam UMNO, tetapi adalah diatas dasarnya yang zalim.

Pimpinan PAS dalam semua peringkat tidak pernah lalai dan melupai perkembangan-perkembangan yang dialami oleh kaum keluarga Syuhada di Memali ini. Tetapi oleh kerana kita sebagai pejuang-pejuang Islam yang serba kekurangan dan dhaif, maka apa yang dapat kita lakukan dan fikirkan adalah didalam bentuk serba kekurangan.

Oleh kerana itu, saya yang diamanahkan oleh pimpinan mengendalikan Harakah, akhbar kita, kami telah menggerakkan sedikit sebanyak usaha melalui Harakah. Menyedarkan masyarakat bahawa di sana ada keluarga-keluarga syuhada yang perlukan perhatian.

Para syuhada telah pun pergi membawa pergorbanan yang begitu besar dan meninggalkan kepada kita sedikit sebanyak peninggalan duniawinya. Maka kita tidak harus mengabaikan hal-hal

ni.

Maka, hasil daripada gerak kerja ini, Alhamdulillah, Harakah mendatangi Memali bersama pimpinan bagi menyampaikan sedikit tanda keikhlasan, kasih sayang dan ikatan rohaniah dari pimpinan. Sumbangan yang dikumpulkan oleh Harakah dan dari Harakah sendiri sebagai tamponan yang dibawa pada hari ini, adalah dari individu masyarakat, dari pimpinan, dari Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat.

Pada hari ini, kami datang bersama menemui keluarga kami, keluarga syuhada yang ada di Memali ini. Dengan harapan mudah-mudahan Allah SWT akan memberikan kita kekuatan yang akan dipertingkatkan dari satu masa ke satu masa.

Apa yang kita harap dan serukan, supaya masyarakat turut sama mengambil perhatian dalam perkembangan ini.

Wassalam.

*Dr. Daeng Sanusi Daeng Mariok,
Naib Yang Dipertua PAS Malaysia*

V

LAMPIRAN

- **KERATAN AKHBAR**
- **GAMBAR KELUARGA**




Nasib keluarga syuhada sering diambil perhatian



Sering bertanya khabar



Anak-anak syuhada yang masih menuntut di Madrasah Memali



Balu-balu dan anak-anak syuhada bergambar kenangan di hadapan rumah batu As-Syahid Cikgu Shafie di Permatang Tinggi 'C'

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960
PERINTAH TAHANAN
 [Sekyen 6 (1)]



Penguasa,
 Tempat Tahanan Perlindungan **Tasping**.

Kota Polis Negara,
 Bukit Aman—KUALA LUMPUR;
 Semua Pegawai Polis Darjah Malaysia yang berkenaan; dan
 Semua orang lain yang berkenaan.

Dengan ini, saya adalah berpuashati yang Perintah ini adalah perlu dibuat ke atas orang
 namanya tersebut di bawah ini dengan tujuan hendak menegakkan undang-undang Malaysia
 dengan lebih lanjut apa-apa cara yang memerlukan:

- (i) keselamatan Malaysia;
- (ii) ketenteraman awam dan keselamatan jawa dalam Malaysia;
- (iii) ketertahanan ekonomi Malaysia.

Nombor
 Kiri Perintah

Nama

No. 2

Maka saya yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberi kepada saya di Perintah
 Sekyen 6 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, maka saya, Menteri Hal Ehwal Dalam
 Negeri, Malaysia, mengarahkan dengan Perintah ini supaya orang yang namanya tersebut di atas
 ditahan selama 22 tahun mulai dari 22 haribulan Januari 1956
 di Tempat Tahanan Perlindungan Tasping

atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarah oleh saya dari masa ke semasa
 diperibut pada 20 haribulan Januari 1956.



L. L. DRIO' MUSA HUSIN
 MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI,
 MALAYSIA

BIL. KHEDN. 1000/A - 1
 6/5/56



Tragedi di Baling kejadian jenayah — Musa

8

KEJADIAN tragedi di Baling, Kedah, yang berlaku pada 20 Disember 1974, merupakan peristiwa yang amat menyedihkan. Tragedi ini telah menewakan 160 orang, kebanyakannya penduduk setempat, dan menyebabkan kerugian yang amat besar.

Tragedi ini berlaku pada petang 20 Disember 1974, apabila pesawat terbang yang membawa penumpang dan barangan tiba-tiba jatuh ke dalam hutan berhampiran Baling. Pesawat tersebut adalah pesawat jenis Douglas DC-3, yang beroperasi antara Baling dan Alor Star.

Kejadian ini telah menimbulkan kebingungan dan ketakutan di kalangan penduduk setempat. Mereka bertanya-tanya mengapa pesawat tersebut jatuh dan apakah penyebabnya. Penyelidikan yang dijalankan oleh pihak berkuasa menunjukkan bahawa pesawat tersebut mengalami masalah teknikal sebelum jatuh.



Tragedi di Baling, Kedah, yang berlaku pada 20 Disember 1974, merupakan peristiwa yang amat menyedihkan. Tragedi ini telah menewakan 160 orang, kebanyakannya penduduk setempat, dan menyebabkan kerugian yang amat besar.



Ibrahim Libya mungkin sebar ajaran salah

11

SEKELUAS orang Islam di Semenanjung Tanah Melayu, Singapura dan Sabah serta Sarawak, akan menghadapi ancaman ajaran sesat apabila Ibrahim Libya, bekas pemimpin organisasi 'Islamic Front' di Libya, tiba di negara ini.

Jabatan Agama Islam Kedah digesa untuk mengawal ajaran sesat ini. Menurut pegawai Jabatan Agama Islam Kedah, Ibrahim Libya adalah seorang tokoh yang aktif dalam menyebarkan ajaran sesat di Libya dan negara-negara lain.

Pihak berkuasa agama di Kedah telah mengambil langkah-langkah untuk mencegah penyebaran ajaran sesat ini. Mereka telah mengadakan sesi-sesi pendidikan agama untuk meningkatkan kesedaran umat Islam mengenai ajaran-ajaran yang salah.

Dalamwajah Ibrahim Libya

Ibrahim Libya adalah bekas pemimpin organisasi 'Islamic Front' di Libya. Beliau telah aktif dalam menyebarkan ajaran sesat di Libya dan negara-negara lain. Beliau juga pernah tinggal di Singapura dan Malaysia.

CGM tidak sah menyaji

CGM (Central Government of Malaysia) tidak sah menyaji. Pihak berkuasa telah memutuskan bahawa CGM tidak mempunyai kuasa rasmi untuk menyaji atau melaksanakan undang-undang di Malaysia.

Libya Keras nama pemerintah dikali dengan negaranya

Libya Keras nama pemerintah dikali dengan negaranya. Pihak berkuasa telah memutuskan bahawa pemerintah Libya Keras tidak sah untuk menyaji atau melaksanakan undang-undang di Malaysia.

Libya Keras nama pemerintah dikali dengan negaranya. Pihak berkuasa telah memutuskan bahawa pemerintah Libya Keras tidak sah untuk menyaji atau melaksanakan undang-undang di Malaysia.

Tragedi Baling: 160 akan didakwa

160 akan didakwa. Pihak berkuasa telah memutuskan bahawa 160 orang yang terlibat dalam tragedi Baling akan didakwa atas kesalahan pembunuhan.

Pihak berkuasa telah memutuskan bahawa 160 orang yang terlibat dalam tragedi Baling akan didakwa atas kesalahan pembunuhan.

Pihak berkuasa telah memutuskan bahawa 160 orang yang terlibat dalam tragedi Baling akan didakwa atas kesalahan pembunuhan.

Pihak berkuasa telah memutuskan bahawa 160 orang yang terlibat dalam tragedi Baling akan didakwa atas kesalahan pembunuhan.

Pihak berkuasa telah memutuskan bahawa 160 orang yang terlibat dalam tragedi Baling akan didakwa atas kesalahan pembunuhan.

POLIS JANGAN TERAGAK² BERTINDAK — OSMAN

KUALA LUMPUR, 21 Mei — Menteri Besar Kelantan, Osman Yusoff, berkata pada hari Selasa (20 Mei) bahawa beliau sangat bimbang dengan perkembangan situasi politik di Kelantan. Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti. Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti. Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti. Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

pergerakan politik
parlimen
Baling ke politik
 ...
 ...
 ...

MB bimbang peristiwa Baling boleh berlaku di Kelantan

OSMAN Yusoff, Menteri Besar Kelantan, berkata pada hari Selasa (20 Mei) bahawa beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti. Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti. Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

Ceramah politik di enam negeri Umno akan pastikan larangan dipatuhi

Lilitan kain merah di badan Ibrahim Libya

KUALA LUMPUR, 21 Mei — Menteri Besar Kelantan, Osman Yusoff, berkata pada hari Selasa (20 Mei) bahawa beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti. Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti. Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

Table with multiple columns and rows of small text, likely a financial or market report. The text is too small to transcribe accurately but appears to contain numerical data and short headlines.



KEDAH AKAN KELUARKAN FATWA

Kedah akan mengeluarkan fatwa yang melarang umat Islam untuk mengenakan lilitan kain merah di badan Ibrahim Libya, kata Menteri Besar Kedah, Tan Sri Ahmad Said, pada hari Selasa (20 Mei).

Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti. Beliau berkata, beliau amat bimbang dengan perkembangan politik di Kelantan, terutama sekali dengan perkembangan di peringkat parti.

Kem PPH jadi tempat tahanan

Wakil Menteri
 Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Mohd. Yusoff Yusoff, berkata Kementerian Pertahanan (Kem PPH) akan dijadikan tempat tahanan bagi orang-orang yang melanggar undang-undang. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.

Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.

Tidak ada halangan, kata Datuk Baharudin Yusoff.

Lorongan ceramah diperluas ke P. Pinang

Sebuah rombongan ceramah akan mengadakan lawatan ke Pulau Pinang pada hujung minggu ini. Rombongan ini diketuai oleh Datuk Baharudin Yusoff dan akan mengunjungi beberapa pusat komuniti di pulau tersebut.

Media elektronik sebagai penggerak pembangunan



Amaran Musa pada 'pencabar undang'

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Mohd. Yusoff, berkata beliau telah mengeluarkan amaran kepada mereka yang mencabar undang-undang. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.

Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.

Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.



PAS tuntut kerajaan laksanakan suruhanjaya diraja

Parti Amanah Negara (PAS) menuntut kerajaan untuk melaksanakan suruhanjaya diraja. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.

Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.

Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.

Pemilihan Bersejarah di Mukim Siang dienggang

Sebuah rombongan ceramah akan mengadakan lawatan ke Mukim Siang pada hujung minggu ini. Rombongan ini diketuai oleh Datuk Baharudin Yusoff dan akan mengunjungi beberapa pusat komuniti di Mukim Siang.



Harapan agar tragedi Baling timbul keinsafan

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Mohd. Yusoff, berkata beliau berharap agar tragedi Baling menimbulkan keinsafan di kalangan masyarakat. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.

Mustafa Ali kata langkah kerajaan amaran awal umum pilihanraya

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Mohd. Yusoff, berkata beliau berharap agar tragedi Baling menimbulkan keinsafan di kalangan masyarakat. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.

Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat. Beliau berkata, langkah ini diambil untuk memastikan keselamatan negara dan masyarakat.



Anak-anak syuhada yang sedang menuntut di Madrasah Memali



Antara wajah-wajah comel anak syuhada



Balu-balu syuhada bergambar di tangga rumah As-Syahid Ibrahim Mahmud



Dua anak As-Syahid Ibrahim Mahmud, Mohd Ihsan (kanan) dan Mohd Islah (kiri)

**TERUSKANLAH PERJUANGAN
MEREKA DENGAN:**

1. SUMBANGAN UNTUK ANAK-ANAK SYUHADA
2. SUMBANGAN MUSIM PERAYAAN UNTUK KELUARGA SYUHADA
3. SUMBANGAN PENDIDIKAN
 - BANGUNAN SEKOLAH
 - BANGUNAN ASRAMA PUTERA/PUTERI
 - ELAUN KAKITANGAN SEKOLAH
 - MAKANAN DAN PERALATAN ASRAMA
 - LAIN-LAIN SUMBANGAN KEPADA...

SETIAUSAHA,
MADRASAH ISLAHIAH DINIAH,
KG. MEMALI, MK. SIONG,
09100 BALING, KEDAH

NAMA _____

ALAMAT SURAT MENYURAT _____

JUMLAH SUMBANGAN _____

(SUMBANGAN BENTUK CEK/M.O./P.O. BERPALANG -
ELAKKAN SUMBANGAN BENTUK WANG TUNAI)

'JAZAKALLAH'

